

Jilid I  
Bil. 80



Hari Selasa  
1hb November, 1983

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 11373]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 11410]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 11411]**

**USUL-USUL:**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1983 [Ruangan 11410]**

**Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11411]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHOONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (KANOWIT).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Berus).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

Yang Berhormat TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sungut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID. P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.N., K.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 1hb November, 1983

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew. Tidak hadir.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ting Ling Kiew tidak hadir).*

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw. Tidak hadir.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 2.

**Tuan Yang Dipertua:** Tidak payah. Tunggu kemudian sesudah habis semua soalan, barulah boleh bangun.

*(Soalan No. 2 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).*

**JAWATAN BERPENCEN**

**3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kesulitan dan kerumitan yang sering dihadapi oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dalam menjalankan tugasnya, menyebabkan perlantikan pengesahan dalam jawatan dan kemasukan dalam perjawatan

berpencen, lambat diluluskan. Bagaimanakah pihak yang berkenaan mengatasi kepincangan-kepincangan ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, soalan ini terlalu umum. Sepanjang mana yang saya ketahui tidak ada kelewatan, kesulitan dan kerumitan mengenai perlantikan, pengesahan dalam jawatan dan kemasukan jawatan dalam perkhidmatan berpencen bagi Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran. Jika Ahli Yang Berhormat boleh memberi kes-kes yang tertentu serta kategori-kategorinya, bolehlah saya menjawabnya dan juga mengambil tindakan untuk mengatasi masalah.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak ada. Apa lagi soalan tambahannya?

**DASAR PERTANIAN NEGARA**

**4. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah dasar-dasar pertanian negara yang ada sekarang. Adakah dasar-dasar yang dilaksanakan sekarang berjaya dari segi pertumbuhan ekonomi negara dan pengurangan import bahan keluaran pertanian dari negara-negara luar.

**Menteri Pertanian (Dato Haji Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, dasar yang dilaksanakan sekarang adalah:

- (1) menambahkan pendapatan dan daya pengeluaran melalui penggunaan teknologi dan amalan pengurusan moden.
- (2) mengeluarkan seberapa banyak bahan-bahan makanan yang strategik untuk keperluan negara.
- (3) mempelbagaikan jenis tanaman dan kegiatan perusahaan pertanian negara selaras dengan peluang-peluang pasaran dan eksport.

Sehingga ini pelaksanaan dasar ini telah berjaya mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan pengeluaran makanan yang mana telah mengurangkan import negara dan juga meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi eksport seperti getah, kelapa sawit dan koko yang menjadi sumber utama kepada pertukaran mata wang asing.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah benar kita ada satu dasar pertanian kebangsaan atau satu impromptu dasar sahaja.

**Dato Haji Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang Dipertua, jawapan saya tadi itulah dasar kita sekarang.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Pada tahun 1980 terdapat di mana Kementerian Pertanian telah meminta peruntukan lebih untuk mempercepatkan implimentasi Rancangan Malaysia Ketiga yang pada hakikatnya sebenarnya wang peruntukan tersebut tidak diperlukan. Bolehkah Menteri memberitahu

bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan apa langkah-langkah Kerajaan telah ambil untuk memastikan kejadian itu tidak akan berlaku lagi di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya soalan itu tidak bersangkut.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, dalam dasar pertanian untuk negara kita adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal atau mengadakan satu dasar untuk menambah lebih banyak ataupun untuk memperluaskan lebih banyak tanah untuk tanaman di negara kita bagi tujuan untuk memenuhi keperluan para petani di negara kita dan juga mengatasi misalnya masalah pertanian yang sentiasa dialami oleh para penanam apabila setiap kali mereka hendak memohon tanah untuk menambahkan aktiviti mereka.

**Dato Haji Abdul Manan bin Othman:** Jawapan kepada soalan asal itu ialah dasar buat masa sekarang ini dan Kerajaan sedang mengkaji dasar itu untuk masa hadapan.

#### **DOKTOR PAKAR HOSPITAL DAERAH KLUANG**

**5. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebabnya jawatan-jawatan doktor pakar di Hospital Daerah Kluang dikeluarkan. Penduduk-penduduk Kluang telah lama membuat aduan dan rayuan kepada pihak Kementerian untuk doktor pakar, doktor bedah dan doktor Sakitpuan dan Perbidanan. Adakah Kementerian Kesihatan mempertimbangkan rayuan mereka.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa sekarang terdapat seorang Pakar Perubatan di Hospital Daerah Kluang.

Seorang Pakar Bedah Umum dan seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan akan dihantar apabila keadaan mengizinkan memandangkan terdapat kekurangan pakar-pakar tersebut pada keseluruhannya pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keperluan kepakaran secara tetap di hospital-hospital di Kementerian Kesihatan telah pun dirancang dan ditentukan dan menjelang tahun 1985 nanti beberapa jawatan di bidang kepakaran Perubatan Umum, Bedah Umum dan Pakar Perbidanan dan Sakitpuan serta Bius dijangka akan diperuntukkan di Hospital Daerah Kluang.

#### DASAR PENGSWASTAAN KERAJAAN

6. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) agensi-agensi dan kemudahan-kemudahan awam (public utilities) yang Kerajaan bercadang menyerahkan kepada sektor swasta berhubung dengan dasar pengswastaaan Kerajaan, dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang mengambil untuk memastikan dasar pengswastaaan tidak akan menyebabkan ekonomi kita jatuh ke tangan segelintir orang individu atau kumpulan syarikat-syarikat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang sama telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 14-9-1983 dan 19-10-1983 kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Jerantut. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### ZON EKONOMI EKSLUSIF— RONDAAN KAPAL TERBANG PEJUANG MALASIA

7. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada F—5E kapal terbang pejuang kita boleh dengan berkesannya meronda Zon Ekonomi (EEZ) sepanjang 200 batu itu memandangkan hanya dua buah lapanganterbang (airfields) di Butterworth dan Kuantan yang mempunyai “runway” yang cukup panjang untuk servis F—5E itu; jika tidak, apakah langkah-langkah yang telah pun diambil untuk memastikan bahawa kapal terbang pejuang F—5E kita itu dapat meronda dengan berkesan di EEZ itu.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, pesawat F5E tidak digunakan untuk peranan meronda di kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebaliknya pesawat jenis PC—130 digunakan untuk menjalankan tugas-tugas ini kerana pesawat tersebut adalah berkemampuan menjalankan tugas-tugas rondaan. Buat masa ini Tentera Udara Diraja mempunyai kemampuan untuk mengawal Zon Ekonomi Eksklusif.

**Dr Tan Seng Giaw** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ini mampu mengawal dengan berkesan itu ada perbezaannya.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Mampu mengawal dan akan memberi kesan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun boleh jawab macam itu (*Ketawa*).

Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan Bo. 8 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

## AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MENGHAPUSKAN

**9. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah cadangan untuk menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations. Jika tiada nyatakan sebab-sebab bagi mengekalkan undang-undang yang bercanggah dengan konsep undang-undang adil dan saksama.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah berkali-kali menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membatalkan atau memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975. Peraturan-peraturan tersebut telah digubal untuk membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ditimbulkan oleh anasir-anasir subversif dan komunis militan yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang sah melalui rampasan kuasa dan kekerasan bersenjata.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam. Tanpa keselamatan negara dan ketenteraman awam kedudukan ekonomi dan sosial rakyat tidak dapat berjalan dengan baik. Keadaan keselamatan dan ketenteraman awam yang wujud sekarang adalah kerana kerjasama dan toleransi rakyat, pengorbanan pasukan keselamatan dan dengan adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975.

Oleh itu, setiap warganegara yang cintakan negara ini tidak perlu bimbang dan curiga terhadap

perlaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) kerana kedua-dua undang-undang itu adalah untuk menjamin keselamatan negara ini dan ketenteraman awam yang juga bererti keselamatan kita semua.

**Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri apakah semenjak adanya Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations yang dimaksudkan ini terdapat berlaku sebarang kezaliman ataupun tidak adil yang dilakukan terhadap rakyat yang baik dan tidak berniat jahat kepada negara dan kepada rakyat negara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, sejak kita mengamalkan ISA ini maka kita dapati ketenteraman awam dan keselamatan negara boleh dikatakan terkawal dan kita tidak pernah melakukan apa jua kezaliman terhadap sesiapa, oleh sebab kita tidak menggunakan undang-undang yang ada pada hari ini iaitu Undang-undang ISA dengan sewenang-wenangnya. Jadi, segala sesuatu yang kita laksanakan pada hari ini mempunyai fungsi untuk menghindarkan seseorang itu daripada jatuhnya ke tangan komunis atau anasir-anasir subversif dan juga golongan-golongan yang lain.

Jadi, pada hemat saya, Tuan Yang Dipertua, tidak ada sesiapa yang rational atau yang benar-benar cintakan negara ini ataupun yang waras fikirannya benci kepada ISA yang wujud pada hari ini.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar undang-undang ISA

dan undang-undang Peraturan-peraturan Perlu, undang-undang ini adalah bercanggah dengan undang-undang yang adil dan juga Universal Declaration of Human Rights di United Nations.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, kita tidak dapat nafikan bahawa negara kita pada hari ini berada dalam suasana darurat. Jadi, pendek kata seperti yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa merasmikan Persidangan Ketujuh Undang-undang Malaysia, kalau tidak silap saya, semalam, 31-10-1983. Jadi, di dalam keadaan darurat Mahkamah Inggeris pun lazimnya menyanjung tinggi kebebasan individu sedar bahawa hak asasi individu perlu dikorbankan untuk kepentingan negara.

Saya, Tuan Yang Dipertua, sukalah quote di sini, apa Lord Denning berkata dalam suatu kes *R vs Secretary-of-State for Home Department ex-party Hosenball 1977* (3) A.E.R., mukasurat 457 yang berkata: . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat sudah siap daripada awal-awal lagi?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Ya, sudah siap (*Ketawa*) untuk memberi penerangan kepada Dewan ini khususnya kepada Yang Berhormat yang juga seorang peguam.

Tuan Yang Dipertua, "This is no ordinary case. It is the case in which national security is involved and our history shows that when the State itself is endangered, our cherished freedom may have to take second place.

Yang Berhormat sepatutnya mengetahui dan membaca terlebih awal (*Tepuk*).

## KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PEGAWAI PENGUATKUASA

**10. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) berapa orang pegawai Penguatkuasa sedang ditugaskan oleh Kumpulan wang Simpanan Pekerja;
- (ii) berapa majikan telah didapati tidak menjelaskan caruman-caruman KWSP bagi pekerja-pekerja mereka dalam tahun 1980, 1981 dan 1982;
- (iii) apakah tindakan yang telah diambil terhadap majikan-majikan ini;
- (iv) berapakah tunggakan caruman yang masih belum dijelaskan oleh majikan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua:

(i) Pada masa ini, Kumpulan wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai sejumlah 106 Pegawai Penguatkuasa, 11 orang daripadanya memegang jawatan sebagai Pegawai Penguatkuasa Negeri dan yang lainnya memegang jawatan sebagai Inspektor.

(ii) Majikan-majikan yang tidak membayar caruman-caruman KWSP bagi pekerja-pekerja mereka bagi tiga tahun yang lepas adalah berjumlah 3,750 bagi tahun 1980; 4,000 bagi tahun 1981 dan 4,400 bagi tahun 1982.

(iii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tindakan-tindakan yang diambil ke atas majikan-majikan yang tidak membayar caruman-caruman adalah seperti berikut:

- (i) Notis Penguatkuasaan yang Pertama dikeluarkan selepas 3 minggu majikan tidak membayar caruman.

- (ii) Notis Penguatkuasaan yang Kedua dikeluarkan selepas 21 hari dan daripada notis pertama.
- (iii) Inspektor-inspektor KWSP dihantar untuk menguatkuasakan bayaran jikalau Notis Penguatkuasaan Kedua tidak mendapat sebarang jawapan.
- (iv) KWSP juga menjalankan siasatan-siasatan mengejut dan juga siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima daripada ahli-ahli.
- (v) Majikan-majikan yang berulang kali tidak membayar caruman-caruman dan sengaja mengelakkan tanggungan KWSP mereka akan didakwa.
- (vi) Jumlah tunggakan caruman yang ditaksir yang belum dijelaskan oleh majikan-majikan adalah sebanyak \$6,695,813,000.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, memandangkan bahawa bilangan majikan yang gagal menjelaskan caruman-caruman KWSP kian meningkat sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya suka bertanya sama ada pihak Kementerian yang berkenaan atau pihak KWSP bercadang untuk memperkuatkan Bahagian Penguatkuasaannya (inspectorate) bagi tujuan untuk mengatasi masalah yang begitu serius tentang majikan-majikan yang gagal menjelaskan caruman KWSP? Dan di samping itu, saya suka mendapat tahu juga sama ada pihak yang berkenaan bercadang untuk menambahkan penalti terhadap majikan-majikan yang gagal menjelaskan caruman-caruman KWSP.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat itu, pada tahun hadapan Kerajaan telah meluluskan perantikan 150 Inspektor lagi untuk seluruh negara.

Soalan yang kedua, pada ketika ini dalam Undang-undang KWSP suatu majikan yang telah didakwa jika disalahkan, dia boleh dihukumkan sebanyak \$2,000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya bersama. Dan dari pengalaman pihak Penguatkuasa KWSP, setakat masa ini tidak berapa yang dikenakan hukuman penjara dan mereka memikir apa yang ada di dalam undang-undang sekarang adalah cukup berkesan.

#### **PENGANGKAP SEMPADAN SARAWAK—JUMLAH ANGGOTA**

**11. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah anggota Pengangkap Sempadan Sarawak (Border Scout);
- (b) adakah mereka terlibat di dalam kenaikan gaji baru-baru ini, yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk anggota Polis;
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu batalion untuk mereka di Sarawak seperti anggota pasukan Senoi Prak di Semenanjung Malaysia, khasnya di Perak dan diiktirafkan sebagai "Regular Unit"; dan
- (d) adakah mereka mendapat pencen apabila mereka bersara dari perkhidmatan mereka.

**Tuan Mohd Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah anggota Pengangkap Sempadan di Sarawak ialah

seramai 1,406 orang yang terdiri daripada 15 orang pegawai, 10 orang anggota pangkat rendah dan 1,381 orang Polis tambahan.

- (b) Bagi soalan (b), jawapannya tidak.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu batalion khas bagi mereka di Sarawak seperti Pasukan Senoi Prak yang terdapat di Semenanjung Malaysia.
- (d) Mereka terdiri daripada tiga kategori:
- (i) mereka yang dilantik dan telah layak mendapat sebarang faedah tamat perkhidmatan di bawah Ordinan Pencen Sarawak (Cap. 89) akan terus layak mendapat faedah tersebut;
  - (ii) bagi mereka yang dilantik di bawah Akta Polis 41/67 yang berkuatkuasa pada 29-8-1967 tetapi tidak tertakluk di bawah Ordinan di atas tidak layak mendapat faedah-faedah itu termasuk pencen; dan
  - (iii) Bagi mereka yang dilantik sebelum 1hb September, 1969 akan mendapat elaun tamat perkhidmatan.

**JEMAAH HAJI MALAYSIA  
DIHANTAR PULANG OLEH  
KERAJAAN ARAB SAUDI**

**12. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau bercadang untuk menyiasat latar belakang tujuh orang jemaah haji yang dihantar

pulang oleh Kerajaan Arab Saudi baharu-baharu ini kerana terdapat bahan-bahan cetak yang dilarang dibawa masuk ke Arab Saudi. Berikan nama mereka itu, dan apakah langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil bagi menjamin perkara seperti itu tidak akan berulang lagi.

3-11-83

**12. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan baru-baru ini 7 orang Jemaah Haji dari Malaysia telah dihantar pulang oleh Kerajaan Arab Saudi kerana melanggar peraturan dan undang-undang memasuki negara itu setelah mendapati mereka membawa 25 keping gambar ukuran besar, 100 keping gambar ukuran kecil pemimpin Revolusi Iran, Ayatollah Khomeini serta dengan risalah-risalah yang ditulis oleh Khomeini dan Kerajaan Iran serta dengan risalah-risalah yang mengecam Kerajaan Arab Saudi. Adakah beliau juga sedar bahawa ada sejumlah 10 orang lagi yang bersama-sama mereka yang dihantar pulang itu terlibat juga, tetapi mereka ini masih berada di tanah Suci Mekkah. Jika sedar;

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap 7 orang yang telah dihantar pulang oleh Kerajaan Arab Saudi;
- (b) apakah pula tindakan Kerajaan terhadap 10 orang yang akan pulang selepas menunaikan Fardhu Haji; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan selanjutnya supaya perkara-perkara seumpama itu tidak berulang lagi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**  
Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang yang akan dijawab pada 3-11-1983

memandangkan soalan yang dikemukakan itu adalah hampir sama maksudnya dengan soalan ini.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar tentang berlakunya peristiwa menahan dan menghantar pulang beberapa orang jemaah haji Malaysia baru-baru ini oleh Kerajaan Arab Saudi. Tindakan yang diambil itu adalah mengikut undang-undang Arab Saudi. Jemaah-jemaah Haji yang ditahan dan dihantar pulang itu telah didapati melibatkan diri dalam kegiatan yang melanggar peraturan-peraturan masuk yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa di Arab Saudi.

Kerajaan telah mengenal pasti mereka yang terlibat di dalam peristiwa ini. Namun demikian, Kerajaan masih lagi meneruskan siasatan lanjut mengenai latar belakang orang-orang ini serta kegiatan-kegiatan mereka. Oleh itu adalah didapati bahawa masanya belum lagi sesuai bagi kita memberi nama-nama mereka yang terlibat kerana ini mungkin menjejaskan siasatan yang sedang berjalan. Tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka setelah siasatan itu selesai kelak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan daripada berlakunya peristiwa seperti ini di masa hadapan, Kerajaan bercadang untuk mewajibkan jemaah haji yang ingin menunaikan fardhu haji, hanya menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah langkah Kerajaan bagi mengelakkan daripada jemaah-jemaah haji ini lari daripada mendaftarkan diri dengan Tabung Haji seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri sekejap tadi?

**Tuan Yang Dipertua:** Tidak bersangkutan dengan soalan itu.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Peristiwa penangkapan 7 orang jemaah haji Malaysia oleh Kerajaan Saudi baru-baru ini kemudian dihantar balik ke Malaysia adalah peristiwa yang memalukan negara. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh mana benarnya bahawa peristiwa ini ada hubungan dengan gerakan Kerajaan luar yang hendak mengimport revolusi mereka ke negara-negara Islam yang lain?

Yang kedua, apakah Kerajaan sedar sekiranya peristiwa-peristiwa yang seumpama ini dilambat-lambatkan dan dibiarkan penyiasatan dan penyelidikan begitu lama, ia boleh diambil kesempatan oleh golongan-golongan yang tertentu bagi tujuan untuk menjejaskan negara dan pimpinan yang ada?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan pertama, benar.

Bagi menjawab soalan yang kedua, kita terpaksa menjalankan penyiasatan yang rapi untuk mengetahui dengan lebih lanjut gerak-geri dan tindak-tanduk mereka ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan diplomatik yang telah diambil oleh Kerajaan Saudi Arabia mengenai perbuatan 7 orang jemaah haji kita ini? Yang kedua, sama ada Kerajaan Riyadh ada menghantar bantahan kepada Malaysia dan sama ada Malaysia ada membuat minta maaf kepada Kerajaan Saudi dalam perkara ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya sebenarnya kurang jelas dengan apa yang dinyatakan itu.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagi menjamin supaya perkara-perkara yang berlaku ini tidak akan berulang lagi, bahawa Kerajaan akan mewajibkan setiap mereka yang akan pergi ke Tanah Suci hendaklah melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Jadi apakah jaminan-jaminan bahawa menerusi Tabung Haji ini mereka tidak akan melakukan perbuatan yang sama?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan awal tadi, ini merupakan cadangan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jemaah haji yang dihalau oleh pihak Kerajaan Saudi baru-baru ini sudah tentu mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri jemaah ini pergi menunaikan haji menerusi saluran swasta. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa visa menunaikan haji hanya dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Saudi Arabia kepada jemaah-jemaah haji yang menunaikan fardu haji menerusi Tabung Haji sahaja. Jadi bagaimana orang-orang ini mendapat visa daripada Kerajaan Saudi?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, soal ini ialah soal agama. Soal memberi visa ini kadang-kadang merupakan soal yang ada kaitan dengan soal agama di mana, kadangkala, timbul sesuatu "loophole", iaitu kita, sama sekali tidak berani hendak menghalang seseorang yang bertujuan untuk menunaikan fardhu haji, sebab ini, adalah perkara yang baik. Tetapi soal pokok pada hari ini, sesiapa sahaja hendak menunaikan fardhu haji terpaksa benar-benar menjalankan

tugas untuk menunaikan fardhu haji, janganlah kita melakukan perkara-perkara yang lain yang luar daripada itu.

Jadi saya suka menyeru kepada sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dengan tugas-tugas ini supaya jangan lupa membaca, bismillahir-rahmanir-rahim:

Waltakum mingkum ummatunn  
yad-u'—na ilal khairi wa ya'muru-  
na bilma'ru-fi wa yanhaunna 'anil  
mungkari wa ula-ika  
humulmuflihu-na.

Itulah perkara yang patut dipegang oleh mereka apabila hendak menunaikan fardhu haji.

**Tuan Yang Dipertua:** Kena minta izin dahulu itu.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Minta izin. (*Ketawa*)

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri di dalam soalan ini hanya menyebutkan barang cetak. Saya hendak tahu apakah jenis barang cetak yang tidak dibenar bawa masuk ke negeri Arab Saudi. Apakah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bercadang untuk memberitahu kepada semua rakyat terutamanya mereka akan menunaikan fardhu haji ke Mekah ini tidak dibenar membawa bahan-bahan cetak yang dimaksudkan itu?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, barang-barang cetak yang tidak dibenarkan itu adalah sesuatu yang berada dalam undang-undang Kerajaan Saudi sendiri. Jadi pihak saya tidak dapat memberitahu.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(*Soalan No. 13 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir.*)

**MAJLIS TINDAKAN DAERAH/  
PEJABAT KEMAJUAN NEGERI—  
PERANAN**

**14. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah untuk memperkemaskan lagi peranan Majlis-majlis Tindakan Daerah dan Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri, di dalam proses pembangunan negeri dan daerah-daerah, terutamanya pembangunan luar bandar.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, pembangunan di peringkat Negeri, Daerah dan Kampung adalah sentiasa diawasi melalui Jawatankuasa Tindakan Negeri, Jawatankuasa Pembangunan Negeri, Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Jentera pengawasan pembangunan ini telah memainkan peranan mereka dengan memuaskan, namun begitu usaha-usaha sentiasa diambil untuk meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesanan jentera tersebut.

Bagi memperkemaskan lagi jentera pengawasan ini tindakan sedang diambil untuk mengkaji semula peranan dan keanggotaan Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Negeri, Daerah dan Kampung untuk disesuaikan dengan keadaan sekarang supaya jentera pengawasan pembangunan ini dapat bertindak dengan cara yang lebih berkesan lagi.

Bagi memperkemaskan Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri pula langkah-langkah sentiasa diambil dan akan terus diambil bagi meningkatkan keupayaan supaya sesuai dengan kepesatan pembangunan negara sekarang.

Di antara langkah-langkah yang telah pun diambil adalah dengan menempatkan pegawai-pegawai yang lebih kanan dan lebih berpengalaman di Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri, di samping menambah bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan bagi menguruskan kerja-kerja yang kian bertambah. Di samping itu, tindakan juga sedang diambil untuk membekalkan Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri dengan peralatan komputer untuk membolehkan pejabat-pejabat ini mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan cara yang lebih cekap dan berkesan.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat banyak perkara yang tidak dapat diputuskan dalam satu Mesyuarat Tindakan Daerah disebabkan terdapat ada wakil-wakil Jabatan yang tidak hadir kerana terdapat, dengan izin, "one-man department" di daerah-daerah ini dan this one man kena pergi kepada 2 daerah atau 3 daerah mewakili Jabatannya menghadiri mesyuarat-mesyuarat, kadang-kadang terpaksa pada masa yang serentak dan biasanya tentulah beliau ini memilih tempat yang lebih jauh, agaknya kerana mileage claim. Apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini yang dapat dilakukan oleh Kerajaan?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Yang Berhormat berhubung dengan saya sendiri dan memberi butir-butir yang lengkap berkenaan dengan soal pegawai-pegawai yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bagaimanakah bentuk Majlis Daerah

ini dilantik? Adakah ahli-ahli dalam Majlis Daerah ini, begitu juga bahagian Pejabat Kemajuan Negeri terdiri daripada hanya setengah-setengahnya anggota-anggota Wakil Rakyat daripada pihak parti pemerintah sahaja, tidak termasuk pihak Pembangkang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan pertanyaan itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah benar Majlis Tindakan ini keahliannya tidak termasuk Wakil-wakil Rakyat. Dan bolehkah oleh kerana Majlis Tindakan Daerah ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dianggapkan jemputan Majlis Daerah ini sebagai jemputan daripada Jabatan Perdana Menteri?

**Tuan Yang Dipertua:** Saya tidak benarkan soalan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, tidak lama dahulu untuk membolehkan Majlis-majlis Tindakan Daerah dan Pembangunan Daerah dijalankan dengan licin dan efektif, ada satu cadangan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sekurang-kurangnya di setiap Daerah ada seorang Penolong Pegawai Daerah yang terdiri daripada kaum keturunan Cina. Adakah ini sudah ditimbang dan akan dilaksanakan atau apa kedudukan cadangan ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi walau peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat-peringkat tersebut adalah memuaskan, bagaimanapun kajian sedang dijalankan supaya tindakan mengkaji semula peranan dan keanggotaan Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut boleh diambil.

### PELAJAR BUKAN ISLAM DI MAKTAB PERGURUAN— KEGIATAN AGAMA

**15. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan menggalakkan pelajar-pelajar bukan Islam di maktab-maktab perguruan menyertai kegiatan-kegiatan ugama mereka sendiri sewaktu mereka berada dalam kampus maktab. Adakah persatuan-persatuan ugama pelajar (seperti persatuan pelajar Buddhist, persatuan pelajar Hindu dan sebagainya) dibenarkan untuk didaftarkan secara rasmi dengan pihak pentadbiran maktab sebagai pertubuhan pelajar yang diiktirafkan dan menggunakan kemudahan-kemudahan maktab bagi kegiatan-kegiatan mereka. Sekiranya tidak, mengapa.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran adalah membenarkan pelajar-pelajar bukan Islam menyertai kegiatan-kegiatan ugama mereka semasa mereka berada di kampus maktab. Persatuan-persatuan bercorak ugama ini adalah perlu didaftarkan secara rasmi dengan pihak Pengetua Maktab sebagai Pendaftar Persatuan-persatuan dan Kelab-kelab yang ditubuhkan di maktab berkenaan. Persatuan-persatuan yang berdaftar ini adalah diiktiraf dan bolehlah memohon untuk menggunakan kemudahan-kemudahan di maktab.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya merasa gembira atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi sekiranya terdapat kes-kes di mana persatuan-persatuan ini tidak dibenarkan untuk mendaftar oleh pihak Pengetua Maktab ataupun kegiatan-kegiatan seumpama ini dihadkan atas sebab-sebab yang tertentu, bolehkah pelajar-pelajar yang terlibat itu mengemukakan

aduan kepada pihak yang lebih tinggi. Kalau ya, apakah saluran yang sah yang harus mereka gunakan?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, jikalau ada kes-kes yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehlah kemukakan kes ini kepada Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, pernahkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerima aduan-aduan mengenai sekatan atau tidak dapat kebenaran untuk kesatuan-kesatuan agama pelajar yang bukan beragama Islam dalam kolej-kolej tertentu? Dan bolehkah satu arahan dikeluarkan kepada semua Pengetua-pengetua untuk mengingatkan bahawa jangan menghalang kegiatan-kegiatan di mana pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam boleh mengadakan kegiatan-kegiatan agama mereka?

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, pada setakat ini Kementerian belum dapat apa-apa komplek berkenaan maktab-maktab tidak membenarkan persatuan-persatuan yang beragama bukan Islam mengadakan aktiviti-aktiviti mereka. Jikalau ada kes-kes bolehlah beritahu kepada Kementerian saya dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

### JUAL BAYI SECARA HARAM

**16. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak kegiatan menjual bayi secara haram dibongkarkan di Bandar Kelang pada tahun yang lepas dan di Jinjang pada bulan yang lepas, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementriannya untuk menentukan kegiatan seumpama itu tidak akan berulang. Sejak tahun 1980, berapakah penipuan laporan surat beranak didedahkan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawab soalan yang kedua Yang Berhormat itu dahulu dan kemudiannya bahagian pertama.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat No. 16 dahulu. Soalan itu satu sahaja.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Soalan No. 16?

**Tuan Yang Dipertua:** Ya, No. 16.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1980 hingga September 1983 sebanyak 142 kes penipuan pendaftaran kelahiran dapat dikesan. Pecahan-pecahannya ialah:

	<i>Tahun</i>	<i>Kes</i>
1980	.. .. .	42
1981	.. .. .	48
1982	.. .. .	54
1983 (September)	.. .. .	38
		142

Bagi menjamin supaya maklumat kelahiran bayi tidak dipalsukan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Orang yang melapor hendaklah orang yang berkelayakan mengikut takrif Seksyen 7(2) Ordinan Kelahiran dan Kematian 1957;
- (ii) Orang yang melaporkan kelahiran hendaklah mengemukakan kad pengenalannya dan kad pengenalan ibubapa bayi;
- (iii) Kerajaan juga telah menempatkan pegawai-pegawai Pendaftaran dari Jabatan Pendaftaran Negara di hospital-hospital besar bagi mendaftarkan kelahiran di hospital-hospital tersebut untuk memastikan supaya maklumat-maklumat yang

tulih dimasukkan di dalam sijil kelahiran bayi;

- (iv) manakala perkara-perkara serong timbul, arahan-arahan mengenainya disebarkan kepada pendaftar-pendaftar supaya mereka lebih berhati-hati dan berjaga-jaga supaya perkara yang serong yang serupa dapat dielakkan;
- (v) pemeriksaan oleh pihak Polis terhadap klinik-klinik swasta dan taman-taman asuhan akan diperhebatkan bagi menentukan kejadian itu tidak berlaku.

Di antara perkara-perkara yang sedang diberi pertimbangan oleh Jabatan Pendaftaran Negara ialah cadangan supaya:

- (i) Orang yang melaporkan kelahiran hendaklah mengemukakan kad pemeriksaan (antenatal) yang dikeluarkan oleh pihak hospital ataupun klinik-klinik bidan Kerajaan atau swasta bagi membuktikan bahawa kelahiran itu benar-benar berlaku;
- (ii) Kerajaan juga sedang menimbang akan menarik balik kuasa pendaftaran yang dikeluarkan kepada klinik-klinik swasta jika terbukti klinik-klinik itu menjalankan kerja-kerja yang menyalahi perbekalan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

Tuan Yang Dipertua, di sini sukalah saya mengingatkan kepada mereka yang berhasrat hendak menjalankan usaha curang iaitu pemalsuan isi surat lahir bayi-bayi, bahawa Kerajaan memandang berat atas kegiatan seperti ini, dan akan mengesan mereka sehingga kegiatan mereka itu dihapuskan serta membawa barang siapa yang bergiat ke muka pengadilan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kegiatan menjual bayi yang berlaku dilaporkan itu adalah satu perbuatan yang memalukan negara kita bukan sahaja dari pandangan orang luar tetapi juga dari segi pandangan rakyat kita sendiri dan suatu langkah yang berkesan dan teratur hendaklah diambil untuk menghapuskan sama sekali perbuatan ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau mendapati undang-undang yang ada sekarang ini tidak cukup untuk mencegah perbuatan menjual bayi ini dan sama ada beliau bercadang hendak meminda undang-undang yang ada sekarang supaya dapat dikenakan hukuman yang lebih keras terhadap perbuatan yang seperti ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, kalau tak salah saya, saya telah menyebut sekejap tadi bahawa kita ada mempunyai cadangan-cadangan yang tertentu. Salah satu daripadanya orang yang melaporkan kelahiran itu hendaklah menemukakan kad pemeriksaan antenatal. Jadi, maknanya selain daripada kad pengenalan, kad si ibu yang sentiasa menemui doktor di klinik itu dibawa bersama-sama. Jadi, dengan peraturan ini pada hemat kami kita akan dapat menyelesaikan setengah daripada masalah. Yang kedua, Kerajaan juga sedang menimbang akan menarik balik kuasa pendaftaran yang dikeluarkan kepada klinik swasta ataupun sesiapa sahaja yang menjalankan tugas-tugas itu sekiranya didapati menyalahi perbekalan Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak polis ada menerima apa-apa maklumat tentang kemungkinan wujudnya sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan

menjual bayi dan sekiranya ada maklumat seperti ini, saya suka mendapat tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak polis untuk membanteras sindiket-sindiket itu.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, sendiket secara nyata belum lagi dapat kami kesan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya agak hairan dan hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan yang kita ada peraturan untuk menjalankan tindakan-tindakan untuk mengambil bayi secara anak angkat—ada peraturan-peraturan berkenaan dengan hendak mengambil anak angkat, tetapi kegiatan menjual dan membeli bayi-bayi ini juga berleluasa. Apakah ini bermakna bahawa peraturan berkenaan dengan anak-anak angkat ini terlalu sulit ataupun boleh mendatangkan perkara-perkara yang lain sehinggakan ada berlaku orang menjual dan membeli bayi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, masalah menjual dan membeli bayi ini adalah masalah orang-orang yang tidak benar-benar cintakan kepada negara ini. Jadi, kalau mereka cintakan negara ini tentulah mereka melakukan sesuatu mengikut undang-undang. Kalau mereka menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang maka mereka adalah merupakan orang yang tidak patuh kepada undang-undang dan sesiapa yang tidak patuh kepada undang-undang maka orang itu adalah orang yang tidak sayangkan negara ini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mereka yang bertindak menjual bayi-bayi ini. Saya

ingin bertanya, adakah tindakan yang sama akan dikenakan kepada mereka yang membeli bayi itu?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, yang membeli merupakan accomplice, itulah dalam segi undang-undang.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, apakah yang menyebabkan dan bagaimanakah boleh berlakunya sindiket menjual dan membeli bayi secara haram ini dan adakah penjual-penjual dan juga pembeli-pembeli bayi ini orang-orang yang siuman ataupun yang tidak siuman. Itu sahaja.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tidak siuman, Tuan Yang Dipertua. *(Ketawa)*

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa untuk mendaftar kelahiran ini ada juga diberi kuasa kepada klinik swasta. Jadi, oleh kerana pendaftaran ini merupakan suatu perkara yang paling penting dan merupakan tanggungjawab Kerajaan, apakah Kerajaan bercadang menarik balik semua sekali kebenaran kepada klinik-klinik swasta ini mendaftar kelahiran anak, hanya kepada Jabatan-jabatan Kerajaan atau Jabatan Pendaftaran sahaja boleh didaftarkan anak-anak sebagai mengelakkan daripada penyelewengan dan penipuan sebagaimana yang dinyatakan tadi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Belum ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghabisan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Mengapa kegiatan-kegiatan jual beli bayi secara haram ini dijadikan dengan lima, sepuluh tahun

baharulah boleh dikesan dan dibongkar dan apakah tindakan dan pandangan Kerajaan mengenai jual beli bayi daripada sempadan Negeri Thai.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, soal mengesan ini bukanlah sesenang yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu. Pertama sekali kita terpaksa mengetahui dengan sepenuhnya tentang pendaftaran kelahiran itu sendiri sama ada berlaku atau tidak pemalsuannya.

Jadi ini hendaklah kita berhati-hati. Kebanyakan kes yang kita dapati pada hari ini merupakan kes-kes yang mana nama itu tidak sebagaimana yang sebenar, kadang kala nama bapa pun juga tidak sebagaimana yang dikehendaki. Jadi, inilah sesuatu yang terpaksa kita berhati-hati dan oleh sebab itulah kita mengambil masa sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi.

#### **TAMAN THEAN TEIK, PULAU PINANG—PERTIKAIAN**

**17. Tuan Seow Hun Khiam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil yang telah diperolehi, dengan kerjasama Ketua Menteri, Pulau Pinang, dalam usaha penyelesaian pertikaian Taman Thean Teik di Pulau Pinang dan sejauh mana siasatan polis telah dijalankan terhadap seorang penduduk perempuan, Puan Tan Siew Kee, yang telah ditembak mati oleh polis di Taman Thean Teik dan bila hasil siasatan polis ini akan diumumkan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sebuah jawatankuasa khas terdiri dari tiga orang ahli telah ditubuhkan pada 29hb November, 1982 oleh Ketua Menteri Pulau Pinang untuk berusaha menyelesaikan pertikaian di Taman Thean Teik, Pulau Pinang.

Jawatankuasa khas ini telah mengadakan beberapa pertemuan dan perbincangan dengan wakil-wakil yang telah dilantik oleh ketiga-tiga belah pihak berkenaan iaitu pihak Khoo Kongsi, tuan punya tanah, Syarikat Perumahan FARLIM iaitu syarikat usahasama di antara Khoo Kongsi dengan syarikat FARLIM untuk memajukan kawasan perumahan berkenaan dan penduduk-penduduk Taman Thean Teik. Pertemuan dan perbincangan-perbincangan ini telah diadakan secara berasingan dan juga secara bersama.

Semenjak penubuhan jawatankuasa khas ini ia telah dapat mengendurkan ketegangan dan menghindarkan kejadian-kejadian yang besar berlaku di antara penduduk-penduduk Taman Thean Teik dengan Syarikat Perumahan FARLIM. Usaha-usaha terus dijalankan untuk mencari titik-titik penyelesaian terhadap pertikaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan ke atas kematian Puan Tan Siew Kee telah pun selesai dijalankan. Kertas siasatan telah pun dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan Jabatan itu telah mengarahkan supaya satu "inquest" diadakan. Tarikh "inquest" telah ditetapkan pada 22hb hingga 25hb Februari, 1984.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapatnya ahli-ahli politik yang tertentu campurtangan dalam kes ini dari awalnya dan tindakan-tindakan mereka ini akan ataupun telah pun menjejaskan usaha penyelesaian dan seterusnya kepentingan penduduk-penduduk yang harus diutamakan itu.

**Tuan Mohd. Kassim Ahmed:** Ya, Tuan Yang Dipertua, memang sedar.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tadi mengikut jawapan Timbalan Menteri, itu adalah bersangkutan dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan persengketaan itu. Tetapi saya ingin meminta Timbalan Menteri, adakah Kerajaan Pusat menerima satu memorandum dari penduduk-penduduk Thean Teik di mana mereka merayu Kerajaan Pusat untuk membantu menyelesaikan pertikaian itu.

Adakah Kerajaan Pusat sedia membantu; kalau tidak, apa sebab-sebabnya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, sekejap tadi saya perkatikan bahawa perkara ini telah dilaksanakan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang sendiri dengan Ahli-ahli Jawatankuasa tertentu.

Soalnya soal penyelesaian, jadi sesiapa dapat menyelesaikan masalah ini maka teruskanlah. Itulah kenyataan saya.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan telah habis, berbalik semula soalan nombor 2.

#### PEGAWAI TINGGI KERAJAAN— PERSARAAN AWAL

**42. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai Kerajaan Superscale yang telah bersara secara pilihan pada usia 50 tahun di antara 31hb Ogos, 1981 dan 31hb Ogos, 1983. Setelah mereka membuat keputusan ini, berapa lamakah sebelum pencen mereka diuruskan. Adakah benar bahawa Jabatan Pencen akan menyusahkan mereka. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka memilih untuk bersara lebih awal.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, seramai 43 orang pegawai tingkatan tinggi, kumpulan "A", kumpulan pengurusan

dan iktisas telah diberi kelulusan bersara secara pilihan sendiri dalam tempoh dari 31hb Ogos, 1981 hingga 31hb Ogos, 1983 di Semenanjung Malaysia.

Tiap-tiap pegawai dalam perkhidmatan awam yang mengemukakan permohonan persaraannya yang lengkap dengan dokumen-dokumen perlu mengikut peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling perkhidmatan bilangan 1981 boleh diproses untuk kelulusan dan pembayaran faedah-faedah persaraan yang dilayakinya pada tarikh yang dipohon. Kelewatan hanya berlaku apabila peraturan tersebut tidak dipatuhi oleh pemohon.

Tidak ada sebarang sebab bagi Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyusahkan mana-mana pegawai yang membuat permohonan persaraan yang menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam surat pekeliling perkhidmatan bilangan 3/1981.

Pegawai-pegawai Kerajaan mempunyai kebebasan untuk mengemukakan permohonan persaraan seperti pilihan sendiri pada bila-bila masa selepas mencapai umur untuk bersara dengan pilihan sendiri iaitu 50 tahun bagi pegawai lelaki dan 45 tahun bagi pegawai dalam perkhidmatan Polis, perkhidmatan Penjara, perkhidmatan Bomba, perkhidmatan Jururawat lelaki di Hospital Sakit Otak, dan seseorang pegawai wanita dengan tidak payah menyatakan sebab-sebab untuk bersara.

Oleh yang demikian itu Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mempunyai maklumat untuk menyatakan faktor-faktor bagi pilihan seseorang pegawai untuk bersara secara pilihan sendiri.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah di antara mereka

yang telah bersara itu momohon semula apa-apa jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan, atau agensi Kerajaan setelah mereka bersara beberapa tahun kemudian.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, itu tidak berbangkit dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, ada ketika mana pegawai-pegawai yang telah bersara memohon semula untuk jawatannya.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu pegawai wanita dan juga polis atau bomba boleh pencen dengan umur 45 tahun.

Adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan pencen sukarela ini kepada pegawai-pegawai yang umur 55 tahun iaitu pada 50 tahun yang lazimnya sekarang ini supaya memberikan masa yang lebih panjang untuk pegawai itu menjalankan kegiatan ekonomi semasa pencen.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, buat masa sekarang, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan had umur yang ditetapkan iaitu 50 tahun bagi pegawai lelaki dan 45 tahun bagi pegawai-pegawai wanita dan juga pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang saya sebutkan tadi. Kerana ini akan melibatkan wang negara begitu banyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang, tiap-tiap tahun Kerajaan membayar lebih kurang \$600 juta wang pencen.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa bilangan pegawai-pegawai yang

bersara awal telah bertambah. Dengan ini perjalanan dan kecekapan jawatan-jawatan Kerajaan akan terjejas, terutamanya dengan pihak polis dan guru-guru.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, memang Kerajaan sedar bahawa banyak pegawai-pegawai yang bersara atau pun bersara secara pilihan sendiri, tetapi apa boleh buat, ini ialah pilihannya sendiri dan bila ia cukup umur dia berhak bersara.

#### **PINJAMAN BANK DUNIA— PERUNTUKAN SABAH/SARAWAK**

**8. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan dari pinjaman \$207 juta yang diperolehi dari Bank Dunia untuk meliputi pembinaan jalan-jalan di Sabah dan Sarawak, berapakah wang yang akan diperuntukkan di setiap kedua negeri tersebut dan untuk apa tujuan spesifik.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang Dipertua, suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah pinjaman Bank Dunia yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah sebanyak \$199.29 juta dan bukan \$207 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejumlah \$122.92 juta dari pinjaman itu akan digunakan bagi membiayai pembinaan kira-kira 192 km jalan luar bandar dan 100 km jalan pertanian di Negeri Sabah dan \$5.22 juta lagi akan digunakan untuk membiayai rancangan mengadakan latihan kepada kakitangan JKR Sabah.

Bagi negeri Sarawak pula, sebanyak \$5.69 juta akan dibelanjakan bagi memperlengkapkan organisasi penyelenggaraan jalanraya iaitu dengan menambahkan lagi jentera-jentera, loji-loji dan kelengkapan

woksyp, selaras dengan bertambahnya beban kerja-kerja penyelenggaraan jalanraya, dan \$7.61 juta akan digunakan bagi menyediakan latihan kemahiran kakitangan JKR di negeri Sarawak.

Pinjaman selebihnya sebanyak \$5.88 juta itu pula akan digunakan untuk melaksanakan kajian seperti berikut:

- (a) Kajian Semula Sistem Rangkaian Jalanraya Sabah dan Sarawak.....\$1.62 juta;
- (b) Kajian Kemungkinan Jalanraya di Sarawak.....\$1.05 juta;
- (c) Kajian Pembangunan Pelabuhan Kebangsaan yang meliputi Malaysia, Sabah dan Sarawak.....\$3.22 juta.

Baki pinjaman yang ada iaitu sebanyak \$51.97 juta akan merupakan satu keperluan luar jangka (contingencies) dari rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan itu.

**Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:**

Tuan Yang Dipertua, suka saya bertanya daripada jumlah beratus-ratus juta wang yang dibelanjakan oleh Kementerian Kerjaraya untuk membina jalanraya di Sabah dan Sarawak dengan pinjaman daripada Bank Dunia ini yang akan dibayar balik. Saya ingin tahu untuk membayar balik wang pinjaman itu adakah wang itu akan didapati daripada projek itu ataupun daripada Kerajaan Pusat?

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, sungguhpun projek ini telah pun dikenalpasti bagi menggunakan duit pinjaman itu tadi tetapi walau bagaimanapun memandangkan kepada kesulitan kewangan negara pada masa ini, peruntukan hanya dapat diberikan kepada projek-projek yang telah disenaraikan itu jika projek itu telah pun dikomited. Walau

bagaimanapun, oleh kerana projek-projek itu belum pun berjalan lagi maka projek itu terpaksa dibekukan.

Bagi menjawab sepenuhnya persoalan tadi semua perbelanjaan jalanraya itu akan dibayar balik oleh pihak Kerajaan Pusat.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No.1 dan 13 adalah diberi di bawah ini).*

#### KEMUDAHAN SEKOLAH-SEKOLAH DI LUAR BANDAR

**1. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk membaiki kemudahan-kemudahan di sekolah yang terletak di luar bandar di Negeri Sarawak.

**Dato' Dr Tan Tiong Hong:**

Kementerian saya sememangnya memberi perhatian terhadap kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar di Negeri Sarawak. Langkah-langkah untuk memperbaiki keperluan-keperluan ini telah dan sedang diambil peringkat demi peringkat. Dalam melaksanakan projek-projek pinjaman Bank Dunia Ke 4, tumpuan telah diberi untuk projek-projek gantian dan tambahan bagi sekolah-sekolah rendah terutamanya di Sarawak. Anggaran kos untuk projek-projek tersebut adalah sebanyak \$52,024,568 yang melibatkan 261 projek. Dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME) Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$90,933,000 untuk Pelajaran Rendah dan \$140,000,000 untuk Pelajaran Menengah bagi Negeri Sarawak di mana sebahagian daripadanya (lebih

kurang 45%) adalah kerja-kerja pemulihan.

### AMANAHAH SAHAM NASIONAL— PELABURAN

**13. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hingga sekarang berapa ramaikah rakyat yang membeli Amanah Saham Nasional;
- (b) di manakah modal Amanah Saham Nasional dilaburkan; dan
- (c) apakah Kerajaan akan menimbangankan menawarkan bukan Bumiputera membeli Amanah Saham Nasional.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):**

- (a) Sehingga 30hb September 1983, seramai 1,377,269 orang Bumiputera telah pun melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional dengan nilai pelaburan berjumlah \$1,071.1 juta.
- (b) Sehingga 30hb September 1983, Amanah Saham Nasional telah pun melabur dalam 94 buah syarikat dalam berbagai bidang. Syarikat-syarikat tersebut terdiri dari syarikat-syarikat yang disenaraikan dan tidak disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur serta syarikat-syarikat milikan Kerajaan yang dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad. Nilai pelaburan pada harga kos ialah sebanyak \$1,059.3 juta.
- (c) Oleh kerana Amanah Saham adalah dimaksudkan untuk Bumiputera sahaja sebagai satu skim di bawah Dasar Ekonomi Baru, maka Amanah Saham Nasional tidak akan ditawarkan kepada bukan Bumiputera.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem (Sarawak), Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Eksais 1976 dan Akta Kastam 1967 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

#### USUL

#### PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (NO. 43) 1983

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu tempoh untuk mengesahkan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1983, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 272 tahun 1983, dilanjutkan.

Ini ialah untuk memberi masa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskannya kerana Perintah tersebut adalah mengenai cadangan-cadangan cukai tidak langsung bagi Belanjawan, 1984.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu tempoh untuk mengesahkan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1983, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis sebagai Kertas Statut Bil. 272 tahun 1983, dilanjutkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (31hb Oktober, 1983).

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulan wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan

bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983, adalah diutamakan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (31hb Oktober, 1983).

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang telah ditetapkan diharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat berucap selama tidak lebih daripada 20 minit. Ahli Yang Berhormat dari Kinta, sila teruskan.

3.37 ptg.

**Tuan Lim Liang Seng (Kinta):** Tuan Yang Dipertua, saya menyambung dari mana saya berhenti dalam ucapan saya semalam.

Tuan Yang Dipertua, di kebanyakan negara, kesan-kesan ketiadaan keberkesanan telah mengakibatkan orang-orang yang paling tidak berada iaitu orang miskin menanggung kerugian dan kesusahan yang amat sangat. Saya percaya tiada kekecualian di Malaysia dan bagi rakyatnya. Justeru itu keberkesanan dalam pengurusan ekonomi serta pentadbiran seharusnya terus menerus dititikberatkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan perkhidmatan birokrasi awam kita, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan saya lagi. Saya berpendapat bahawa birokrasi awam kita akan lebih efektif jika mereka kurang menumpukan perhatian kepada bentuk (form) dan sebaliknya lebih kepada benda (substance). Apa yang saya maksudkan ialah pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai kefahaman yang

sempurna tentang dasar dan konsep-konsep dasar Kerajaan. Akibat kurangnya kefahaman yang sempurna dan faktor-faktor seperti Prasangka, banyak salah faham, perasaan buruk dan tidak puas hati telah timbul di kalangan rakyat. Di dalam keadaan kekecewaan dan serba salah itu mereka telah mendakwa bahawa Kerajaan telah tidak lagi menghormati dan telah menyimpang dari erti kata serta semangat yang sebenar atas mana sesuatu dasar itu digubal.

Apa yang saya maksudkan juga ialah pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah lebih mementingkan kepada memberi perkhidmatan dan pertolongan kepada orang ramai dan bukan kepada mematuhi kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan semata-mata. Semua ini menunjukkan bahawa perhatian yang lebih "vigorous" seharusnya diadakan dalam soal accountability dan cost effectiveness. Sehubungan dengan ini ingin saya menyatakan sokongan saya yang sepenuh kepada usaha-usaha yang telah dimulakan oleh Kerajaan dengan pelancaran konsep-konsep dan kempen-kempen seperti Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Pengwastaaan, Kepimpinan Melalui Tauladan dan Kempen Kebersihan. Saya percaya bahawa semua ini merupakan usaha-usaha yang akan membantu menggerakkan jentera Kerajaan dan badan-badan serta seluruh masyarakat ke arah mencapai accountability dan cost effectiveness.

Tuan Yang Dipertua, saya sedari isu BMF telah banyak disentuh dan dibahasakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya cuma ingin menyatakan bahawa ketika kita berhadapan dengan isu BMF ini ketara sekali keperluan Kerajaan memberi perhatian yang vigorous kepada soal accountability dan efficiency di kalangan pegawai-pegawainya adalah bertambah

mendesak lagi. Sementara saya yakin bahawa Kerajaan pasti akan menjalankan penyiasatan yang perlu dan rapi dan mengadakan tindakan sewajar dalam isu ini, harapan saya ialah Kerajaan akan menyambut baik semua pandangan berat yang telah disuarakan di Dewan yang mulia ini dan di kalangan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya menyentuh dua perkara berkaitan dengan pelajaran. Pertama, sukacita saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang telah mengumumkan melalui akhbar semalam dahulu bahawa elaun mengajar bagi guru-guru kelas POL akan dinaikkan mulai tahun 1984 kepada kadar \$10 sejam bagi peringkat sekolah rendah dan \$15 sejam bagi peringkat sekolah menengah. Walaupun kadar ini masih tidak bersamaan dengan kadar asal dua tahun dulu, namun ianya merupakan satu kemajuan dan ini bererti ketidakadilan ke atas guru-guru berkenaan adalah separuh diperbetulkan.

Sungguhpun demikian, saya ingin memberitahu sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini bahawa masalah pokok kelas POL sehingga kini masih belum lagi diselesaikan. Seperti pada masa yang lalu untuk mengatasi masalah-masalah yang berbangkit dari POL saya menyeru kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya setakat mana yang boleh pengajaran bahasa Cina di sekolah menengah sebagai kelas POL itu diselaraskan dengan lebih kurang 60 buah conforming secondary schools yang telah pun dimasukkan ke dalam golongan SMJK itu sejak enam puluhan lagi. Ini bererti bahasa Cina sebagai bahasa ibunda setengah-setengah murid itu akan dapat dipelajari sebagai satu mata pelajaran dalam jadual waktu rasmi sekolah berkenaan.

Dengan demikian juga bererti guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut adalah dari guru-guru berhak sekolah berkenaan iaitu, dengan izin, the entitled teachers of the school concerned.

Peraturan sedemikian bukan sahaja memberi kemudahan yang perlu dan akan menghasilkan pembelajaran yang lebih baik dan berkesan, ianya juga akan dapat mengelakkan berulangnya kerumitan-kerumitan yang berbangkit dari kelas POL di sekolah-sekolah berkenaan serta dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Perkara kedua, saya mohon menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran kepada satu kes anomali lantikan guru yang melibatkan beberapa orang guru di Perak. Mereka ini mempunyai kelulusan SMP dengan kepujian Bahasa Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Nanyang. Di antara mereka ini ada yang dilatih melalui kursus SRC (9) dan ada pula kursus PPAR (2). Kedua-duanya kursus cuti penggal dari tahun 1978 hingga 1980. Mereka ini sebagai guru sandaran iaitu guru sementara dalam tahun 1978 sehingga 1980 telah diletakkan ke dalam kategori C3 iaitu bersama dengan C1 bagi guru terlatih pemegang HSC.

Apa yang aneh dan kurang saksama sekali ialah setelah lulus latihan, sekarang ini mereka diterima dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sebagai guru kategori C2 sahaja. Tambahan lagi apa yang amat mendukacitakan sekali ialah pihak Jabatan Pelajaran Negeri telah mengarahkan mereka membayar balik apa yang disifatkan sebagai overpayment berjumlah beberapa ribu ringgit itu. Saya memohon Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran memberi perhatian dan

mengambil tindakan yang sewajar untuk membetulkan kes anomali lantikan guru yang tidak saksama ini.

Tuan Yang Dipertua, mengikut pengetahuan saya, latihan perguruan seseorang guru di sesuatu maktab ataupun pusat latihan sama ada penuh masa atau cuti penggal yang melayakkannya dianugerahkan Sijil Perguruan Kementerian Pelajaran adalah setaraf dengan latihan Kursus Diploma Pendidikan Universiti tempatan.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan pihak SPP bahawa sebelum kes ini semua guru berkelayakan seumpama ini iaitu guru-guru siswazah terlatih yang berkelulusan dari Universiti India atau Universiti Nanyang dan sebagainya telah diletakkan ke dalam kategori D3 Skim Aziz. Dengan demikian saya tidak nampak sebab-sebab mereka sekarang ini diletakkan ke dalam C2 semata-mata, apatah lagi D3.

Tuan Yang Dipertua, dengan kata-kata harapan tersebut saya akhiri ucapan saya dengan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984 itu.

3.47 ptg.

**Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi):** Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan 1984.

Tuan Yang Dipertua, kira 12 bulan dahulu iaitu pada 10hb Oktober 1982, Kerajaan telah mengisytiharkan dasar satu bahasa, satu budayanya di dalam Dewan yang mulia ini. Dan dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang lalu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pula telah menerangkan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berdasarkan kepada rumusan yang dibuat oleh Kongres Kebudayaan 1971 yang telah

menetapkan tiga prinsip berikut yang akan menjadi asas bagi penciptaan kebudayaan kebangsaan.

- (1) Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berasaskan kebudayaan pribumi;
- (2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar bolehlah diterima menjadi sebahagian kebudayaan kebangsaan, dan
- (3) Islam hendaklah menjadi ciri penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah mengumumkan penolakan memorandum mengenai kebudayaan kebangsaan yang dikemukakan oleh 15 pertubuhan China atas alasan bahawa cadangan-cadangan yang terkandung dalam memorandum tersebut adalah bercanggah dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan bahawa soalan-soalan yang menyentuh dasar-dasar pokok kebudayaan kebangsaan tidak boleh dipersoalkan lagi. Beliau juga mengatakan bahawa dasar kebudayaan adalah merupakan satu dasar asimilasi.

Sejak perisytiharan dan pengumuman tersebut, kebimbangan orang-orang bukan Melayu telah meningkat terutama sekali memandangkan perkembangan-perkembangan yang telah berlaku ekoran perisytiharan dan pengumuman tersebut.

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama. Maka sebarang usaha untuk mencipta kebudayaan kebangsaan menerusi proses asimilasi pasti akan menimbulkan konflik kaum. Keunikan Malaysia adalah terletak pada pelbagaiannya dan pelbagaiannya ini haruslah dipupuk sehingga ia melahirkan suatu kebudayaan kebangsaan yang benar-benar Malaysian.

Perlu ditegaskan di sini pada tempoh hari bahawa perkara mencipta satu budaya menerusi proses asimilasi tidak pernah dijadikan suatu isu dalam pilihanraya umum 1982 dan disebabkan itu Kerajaan tidak mempunyai mandat untuk melaksanakan dasar "satu bangsa, satu bahasanya". Mandat yang diberikan oleh rakyat bukanlah bererti Kerajaan diberi satu cek kosong untuk melakukan apa sahaja ia menyukai mengikut hawa nafsunya.

Evolusi sesuatu kebudayaan hendaklah berteraskan pendekatan integrasi dan bukan asimilasi terutama sekali memandangkan tidak ada suatu kaum di Malaysia yang menjadi majoriti di negara ini. Maka dengan sebab itu, kebudayaan setiap kaum harus dibenarkan berkembang dan daripada ini suatu kebudayaan Malaysia diperah dan dicipta.

Apa yang membimbangkan orang-orang bukan Melayu ialah Kerajaan tidak memberi penekanan kepada prinsip kedua dasar kebudayaan kebangsaan, dan hanya menumpukan perhatiannya kepada prinsip pertama dan ketiga semata-mata.

Dan prinsip ketiga dasar tersebut ialah "Islam hendaklah menjadi ciri penting dalam penciptaan kebudayaan kebangsaan" adalah satu perkara yang amat mengganggu orang-orang bukan Melayu kerana proses Islamisasi yang kini berkembang dan diperkembangkan oleh Kerajaan menyentuh hampir segala aspek kehidupan kebangsaan kita yang jelas menyentuh orang-orang bukan Melayu.

Sejak setahun kebelakangan ini, langkah-langkah dan pengumuman-pengumuman Kerajaan mengenai penerapan dan penyerapan nilai-nilai ajaran Islam ke dalam pentadbiran telah mencetuskan perasaan cemas di kalangan orang-orang bukan Melayu

yang kebanyakan mereka adalah penganut-penganut agama-agama bukan Islam.

Bank Islam dan Universiti Islam telah ditubuhkan. Tamaddun Islam telah dijadikan matapelajaran yang wajib bagi pelajar-pelajar universiti-universiti, kolej-kolej, dan maktab perguruan mulai tahun ini, rekrut-rekrut polis juga dikehendaki mempelajari secara wajib mata-pelajaran tamaddun Islam mulai tahun, pengumuman bahawa undang-undang sedang digubal untuk menghukum orang-orang bukan Islam di bawah undang-undang Islam juga telah dibuat pada penghujung tahun lalu oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri waktu itu, Encik Anwar, Jabatan Pencen pula mengumumkan bahawa ia sedang mengkaji sistem pencen sekarang untuk menggantikan dengan; sistem pencen Islam, dan baharu-baharu ini pengumuman telah dibuat bahawa langkah-langkah sedang diambil untuk mengubahsuai peraturan-peraturan KWSP dan pajak-gadai untuk mencerminkan nilai-nilai Islam. Dan tidak pula ketinggalan saranan Mufti Wilayah Persekutuan pada 2hb November lalu supaya sebuah badan khas ditubuhkan untuk "convert" orang-orang bukan Islam ke Islam.

Perkembangan-perkembangan ini amat mengganggu orang-orang bukan Islam dan kebimbangan mereka bertambah pula dengan hasrat yang dilahirkan oleh Perdana Menteri di Sipitang Jumaat lalu bahawa Malaysia hendaklah menjadi sebuah negara Islam contoh.

Tuan Yang Dipertua, apabila Malaysia mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, negara kita telah dibayangkan sebagai sebuah negara sekular di mana walaupun Islam akan menjadi agama rasmi namun kebebasan menganut dan mempraktikkan agama-agama lain telah terjamin di dalam Perlembagaan kita. Dan hakikat ini pernah

ditegaskan oleh Perdana Menteri kita yang pertama, Tunku Abdul Rahman, dan juga oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri kita yang ketiga.

Maka apa yang dilakukan oleh Kerajaan kini bukan sahaja bercanggah dengan semangat dan kata-kata Perlembagaan akan tetapi juga akan bercanggah dengan asas atas nama negara kita merdeka.

Agama tidaklah boleh dipisahkan daripada kebudayaan dan disebabkan itu, unsur-unsur dari agama lain haruslah diterima untuk merangkumi kebudayaan kebangsaan. Berdasarkan hakikat inilah suatu memorandum bersama telah dikemukakan oleh wakil-wakil agama Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam bulan Jun lalu.

Memorandum tersebut telah mencadangkan supaya unsur-unsur yang baik dari semua kaum dirangkumi dalam usaha mencipta kebudayaan kebangsaan. Mereka juga telah berkata bahawa mereka tidak boleh bersetuju dengan dasar sekarang di mana Islam menjadi ciri penting dalam penciptaan kebudayaan kebangsaan kerana agama dan kebudayaan adalah suatu perkara yang saling berkaitan dan bergantung. Memorandum tersebut juga telah menarik perhatian bahawa orang-orang bukan Melayu yang menyertai Kongres Kebudayaan 1971 tidaklah boleh dianggap sebagai mewakili semua kaum dan agama di negara ini.

Ingin saya tahu apakah pendirian Kerajaan atas memorandum tersebut dan apakah Kerajaan akan menerima nilai-nilai agama lain dalam penciptaan kebudayaan kebangsaan? Setiap agama mahukan penganutnya berbaik-baik, berbudi-pekerti, bersih dan sebagainya. Dan disebabkan ini apakah salahnya bagi Kerajaan untuk menyerap nilai-nilai sejagat ke dalam pentadbiran dan penciptaan kebudayaan kebangsaan?

Tuan Yang Dipertua, Malaysia telah pun menghadapi konflik bangsa dan kelas dan besar kemungkinan satu konflik baharu iaitu konflik agama akan tercetus sekiranya Kerajaan berdegil dan meneruskan dengan usaha-usahanya untuk menjadikan Islam sebagai ciri penting dalam penciptaan kebudayaan kebangsaan. Kita haruslah pelajari dari Ireland di mana walaupun rakyatnya terdiri dari satu bangsa dan satu bahasa, namun Ireland kini ditimpa komplik agama yang telah meragut nyawa beribu-ribu rakyatnya.

Akhirnya, berhubung dengan dasar kebudayaan kebangsaan, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan agar mengkaji semula dasar-dasar dan formula-formulanya. Kerajaan juga hendaklah memanggil satu persidangan yang dihadiri oleh cerdik pandai, wakil-wakil pertubuhan agama, suku kaum dan persatuan-persatuan yang minat untuk membincang dengan sedalam-dalamnya soal penciptaan suatu kebudayaan kebangsaan yang benar-benar boleh diterima oleh rakyat majmuk kita.

Skandal pinjaman lebih \$2.5 billion yang dikeluarkan oleh Bumiputera Malaysia Finance di Hong Kong adalah amat mengejutkan. Apa yang lebih mengejutkan ialah tindak laku Kerajaan dan pihak-pihak berkenaan dalam skandal tersebut. Hanya Sabtu lalu, Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamed, telah mengumumkan bahawa Kerajaan tidak akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya di Raja untuk menyiasat ke dalam skandal pinjaman BMF dan apa yang akan dijalankan hanyalah suatu siasatan Kerajaan. Pengumuman ini nescaya tidak akan menyakinkan orang ramai dan mereka hanya akan menganggap bahawa ini adalah suatu perbuatan untuk menyembunyikan skandal tersebut.

Kita masih teringat bahawa dalam skandal Bank Rakyat yang melibatkan kira-kira \$155 juta, Kerajaan bukan sahaja mengarahkan Syarikat Price Waterhouse menyiasat skandal tersebut bahkan mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai skandal tersebut dan satu perbahasan telah diadakan di Dewan yang mulia ini. Tetapi dalam skandal BMF pula, Kerajaan telah bertindak sebaliknya. Skandal BMF merupakan suatu ujian kritikal akan sama ada Kerajaan Dr Mahathir adalah benar-benar suatu Kerajaan yang benar-benar cekap, bersih dan amanah atau kata-kata tersebut hanya merupakan cogan kata kosong.

Kerajaan haruslah menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja dengan dianggotai oleh orang-orang yang ternama dan jujur yang dihormati dan disegani seperti Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, Hakim Datuk Harun Hashim, Tan Sri Dr Tan Chee Khoo dan lain-lain untuk menyiasat ke dalam skandal BMF itu dan laporan Suruhanjaya tersebut harus diumumkan kepada orang ramai.

Sekolah-sekolah rendah jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menghadapi bermacam-macam masalah antara mana ialah kekurangan guru-guru untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran selain daripada bahasa Malaysia, bilik darjah yang sesak, bangunan-bangunan sekolah yang lama dan juga masalah-masalah kewangan. Baru-baru ini saya difahamkan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bernama Tai Thung di Salak Selatan dalam kawasan saya yang memerlukan \$600,000 untuk mendirikan bangunan baru hanya diberi bantuan \$100,000 oleh Kerajaan. Ini adalah amat menyedihkan dan saya mengesyorkan supaya Kerajaan menghulurkan bantuan kewangan berasaskan

seringgat untuk seringgat bagi sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil. Juga lebih ramai guru-guru hendaklah dilatih untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil kerana perkara ini adalah satu perkara yang telah wujud sejak beberapa dekad.

Kerajaan telah mendirikan Universiti Islam di mana bahasa pengantarnya ialah Bahasa Inggeris dan Arab. Di sini, saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji semula keputusannya untuk menolak permohonan menubuhkan Universiti Merdeka dan sebaliknya membenarkan Universiti tersebut ditubuhkan. Sekiranya Universiti Islam yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris dan Arab boleh dikecualikan daripada peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, maka saya tidak nampak sebab-sebab mengapa Universiti Merdeka yang akan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina tidak juga boleh dikecualikan daripada peruntukan Akta tersebut. Saya juga meminta Kerajaan menggalakkan penubuhan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta untuk menampung keperluan pelajaran yang kian mendesak ini.

Mulai 1-1-1984 segala berita asing akan disalurkan melalui BERNAMA. Ini merupakan satu lagi pukulan hebat terhadap hak untuk mengetahui akhbar-akhbar tempatan kini terpaksa bergerak dalam keadaan yang restriktif dan dengan konkongan berita asing pula oleh BERNAMA, maka hak dan kebebasan rakyat untuk mengetahui akan menjadi lebih sempit.

Penarikan balik lesen KDN jurnal Nadi Insan dan cadangan Kerajaan untuk mengawal pengimportan penerbitan-penerbitan asing semuanya menunjukkan bahawa Kerajaan sedang membuat persiapan-persiapan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang tertutup dan ini

nyata bercanggah dengan cogankata pimpinan Kerajaan 2M yang melau-laungkan yang ia hendak mewujudkan sebuah pentadbiran yang "liberal dan terbuka". Sekian, terima kasih.

(Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

4.08 ptg.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang atas kebijaksanaan Menteri Kewangan dan Jemaah Menteri bahawa Belanjawan 1984 adalah Belanjawan yang tidak membebankan rakyat jelata dari golongan pendapatan rendah. Rakyat merasa lapang dengan gambaran-gambaran bahawa keadaan ekonomi akan bertambah baik dengan adanya usaha-usaha dan langkah bijak pihak Kerajaan menjadual semula perbelanjaan sehingga tidak menjejaskan sosio-ekonomi dan tidak membeban mereka yang berpendapatan rendah serta dengan cara itu telah dapat merendahkan jumlah kurangan dari \$11.2 ribu juta dalam tahun 1982 kepada \$9.8 ribu juta pada tahun 1983.

Saya mengalu-alukan usaha-usaha jangka sederhana dan jangka panjang strategi Belanjawan 1984 bagi membaiki, mengukuh dan mengemaskan Kedudukan kewangan sehingga dapat disesuaikan Belanjawan Mengurus dengan Belanjawan Pembangunan pada Belanjawan keseluruhan amnya. Langkah-langkah menggalakkan pemerosesan barang mentah dalam negeri bersabit dengan bijih timah dan getah, elaun-elaun pembangunan perindustrian, gudang-gudang dan setor serta latihan perindustrian adalah langkah-langkah bijak bagi mengembangkan semula aktiviti-aktiviti yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Memandangkan bahawa peruntukan bagi Kementerian Pelajaran ialah yang terbesar iaitu \$3,926,930,000 saya suka menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian ini. Sungguhpun peruntukan bagi Kementerian Pelajaran adalah yang terbesar tetapi jika kita teliti kita dapati hanya 14.38% sahaja dari peruntukan itu diperuntukkan bagi pembangunan dan yang selebihnya bagi emolumen dan lain-lain perbelanjaan. Jika Kerajaan memotong 20% dari Belanjawan Kementerian Pelajaran ini seperti tahun 1983 maka tidak ada apa yang tinggal untuk pembangunan. Saya sangat berharap demi kepentingan anak-anak kita jenerasi akan datang kalau pun Kerajaan terdesak dan terpaksa memotong Belanjawan, saya berharap peruntukan Kementerian Pelajaran tidak dilibatkan. Ini adalah kerana kanak-kanak yang akan masuk ke sekolah terus bertambah maka sekolah-sekolah dan bilik-bilik darjah perlu ditambah dan sekolah-sekolah yang sudah buruk dan usang perlu diperbaiki.

Berkaitan dengan peruntukan ini juga, saya minta kepada Kementerian Pelajaran agar menukar dasar pembahagian peruntukan antara sekolah-sekolah di bandar-bandar dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya difahamkan pada masa ini pun peruntukan tidak diberi mengikut kiraan per kapita pukul rata iaitu menyeluruh tetapi dibahagi-bahagikan mengikut 500 murid yang pertama \$5.00 seorang, 500 murid yang kedua \$4.00 seorang dan seterusnya. Dan disebabkan potongan Belanjawan bagi tahun ini, peruntukan ini pun diberi hanya 3 kali sahaja dalam tahun 1983 dan tidak 4 kali seperti biasa. Pemberian peruntukan ini sama sahaja jumlahnya bagi sekolah-sekolah di bandar-bandar dan juga di luar-luar bandar.

Saya ingin menyarankan supaya peruntukan ini diberi mengikut per

kapita bagi sekolah-sekolah luar bandar dan patut diberi peruntukan-peruntukan lebih sedikit bagi sekolah-sekolah ini kerana dari sekolah-sekolah dalam bandar memandangkan bahawa sekolah-sekolah luar bandar serba-serbi kekurangan dari segi kemudahan-kemudahan asas pelajaran dan juga kemudahan-kemudahan teknologi pendidikan. Tambahan pula di luar bandar hampir semua ibubapa berpendapatan rendah dan PIBG tidak mampu mendapatkan ribuan-ribuan ringgit dalam apa juga usaha untuk membantu sekolah seperti yang boleh dilakukan oleh PIBG di sekolah-sekolah dalam bandar.

Satu faktor yang menambahkan kelemahan di sekolah-sekolah ialah pimpinan pelajaran yang menghadapi berbagai-bagai masalah. Terdapat banyak juga kes-kes guru-guru besar dan guru-guru penolong kanan berulang sejauh hingga 40 atau 50 kilometer dari rumah ke sekolah-sekolah tempat mereka bertugas disebabkan tiadanya rumah-rumah guru dan tiada rumah-rumah untuk disewa di tempat-tempat itu atau sukar bagi mereka memindahkan keluarga mereka kerana anak-anak mereka telah tetap bersekolah di satu tempat dan tambahan pula tempoh berkhidmat mereka itu tinggal hanya 1 atau 2 tahun sahaja lagi.

Menyedari bahawa keperluan kemudahan pelajaran telah kian bertambah dan kos pelajaran di luar negeri bertambah besar, saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pelajaran memikirkan penubuhan Maktab-maktab Rendah (Junior Colleges) yang sekurang-kurangnya dapat menampung 30% dari bilangan pelajar-pelajar yang dimasukkan ke institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri dan dengan cara ini saya berpendapat kita dapat menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang timbul yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Di samping itu elok juga semua sekolah-sekolah vokasional dijadikan politeknik-politeknik dan mengambil pelajar-pelajar dari Tingkatan V. Ini akan dapat menyelesaikan masalah tenaga manusia yang kekurangan dalam bidang-bidang teknikal dan dengan adanya pengswastaan mungkin Kerajaan boleh menukarkan iaitu pelajaran vokasional dijadikan tanggungjawab industri-industri.

Akhir sekali bersabit dengan pelajaran ini, saya ingin menyentuh faktor-faktor yang membawa kepada pembaziran:

- (1) Adanya faktor fanatisme agama yang banyak menyekat murid-murid terutamanya murid-murid perempuan dari mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pelajaran di sekolah.
- (2) Unsur penyalahgunaan dadah dan ketiadaan disiplin yang boleh menjadi perosak dan penghalang kemajuan murid-murid.
- (3) Kekurangan guru yang berkemahiran di dalam bidang-bidang tertentu, misalnya guru-guru Bahasa Inggeris dan guru-guru Ilmu Hisab serta banyaknya penglibatan masing-masing guru-guru ini di dalam aktiviti-aktiviti luar boleh membawa kepada rendahnya prestasi pelajaran.

Tuan Yang Dipertua, sempena Kempen Daya Pengeluaran, saya akan menyentuh mengenai daya pengeluaran. Kerajaan telah menganjurkan Kempen Khidmat Cemerlang, Konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" serta Kepimpinan Melalui Tauladan; kesemuanya adalah untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan Kerajaan untuk rakyat. Dari penelitian secara umum ternyata bahawa daya pengeluaran yang maksima dari seseorang pekerja

belum lagi didapati. Golongan pekerja yang dibolehkan membuat kerja lebihmasa akan bekerja hanya 6 jam dan melambat-lambatkan atau menangguh-nangguhkan kerjanya untuk mendapat peluang kerja lebihmasa. Saya berpendapat ada beberapa faktor yang menyebabkan terjadi sedemikian:

- (1) Tugas-tugas mereka ini tidak ditentukan jumlah kerja dan waktu siapnya.
- (2) Penyeliaan terputus kerana terlalu ramai kakitangan;
- (3) Sikap seseorang pekerja terhadap pekerjaan, dalam ertikata lain, Etika Kerja belum sehati dengan pekerja-pekerja.

Kesimpulannya terjadi demikian ialah terdapat pengurusan yang lemah, tiada ganjaran sebagai insentif dan sikap yang negatif terhadap pekerjaan. Jika demikian sebagai rumusan bolehlah dikatakan ramai kakitangan Kerajaan "under-employed", dengan izin, dan jawatan-jawatan yang dibekukan tidak memberi kesan negatif kecuali yang dalam bidang-bidang teknik yang masih terdapat banyak kekurangan dan adalah baik kerja lebihmasa ini dikaji semula.

Satu Kementerian yang saya anggap penting kepada Kerajaan dan negara ialah Kementerian Penerangan. Peranan Kementerian ini memberitahu rakyat segala dasar-dasar Kerajaan dan perlaksanaannya memang tidak boleh dinafikan. Satu Jabatan yang penting di bawah Kementerian ini ialah Jabatan Penyiaran. Mungkin tidak disedari bahawa kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan di RTM masih belum mencukupi. Studio-studio, bilik-bilik rakaman dan alat-alat lain perlu ditambah bagi memudahkan pengeluaran yang bermutu tinggi. Tidak hairanlah kalau rakyat tidak mendapat rancangan yang

paling baik disebabkan banyak kekurangan-kekurangan yang masih ada. Ini bererti bahawa penerbit-penerbit tidak mempunyai cukup masa dan alat bagi menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Memang kalau dibandingkan RTM sekarang dengan Radio Malaysia tahun enam puluhan di Bangunan Federal, memang RTM sekarang jauh lebih besar, lebih moden dan lebih ramai kakitangannya. Dengan perluasan dan pertambahan hingga beribu peratus inilah menyebabkan saya merasa peruntukan Pembangunan Jabatan ini iaitu P.47 yang berjumlah \$5.2 juta tidak realistik dibandingkan dengan \$33 juta tahun, 1983, dan yang ini pun saya tidak tahu berapa peratus telah dipotong.

Kebajikan kakitangan, ganjaran yang berpatutan serta skim perkhidmatan yang sempurna adalah insentif sebagai tarikan kepada satu-satu perkhidmatan dan untuk mengekalkan seseorang pekerja itu dalam perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan dan kerja-kerja di Radio dan Televisyen ini agak unik. Ianya banyak bergantung kepada bakat, talent, dan dedikasi. Oleh yang demikian, jika ianya disamakan dengan Jabatan-jabatan lain mungkin tidak begitu sesuai. Janganlah hendaknya untuk kenaikan pangkat pegawai-pegawai di RTM disyaratkan lulus Undang-undang dan peraturan-peraturan yang tidak perlu bagi kerja-kerja mereka yang bergantung banyak kepada inisiatif, daya kreatif dan dedikasi.

Saya rasa kita semua menyedari pentingnya peranan Jabatan Penerangan di peringkat grassroot, sebagai agensi Kerajaan yang berhubung rapat secara langsung dengan rakyat. Jabatan Penerangan bertanggungjawab memberi penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan, konsep-konsep baru yang mesti disampaikan dan difahami oleh

rakyat. Setakat mana Jabatan ini boleh menjalankan tugasnya dengan berkesan dan mendapat hasil yang baik jika jumlah peruntukan bagi Pembangunan hanya \$155,090 yang diberikan untuk Jabatan Penerangan bagi tahun 1984. Dengan itu tidak hairanlah terdapat anggapan orang ramai bahawa tugas Jabatan ini cuma menunjukkan wayang gambar dan yang menyedihkan pula setengah-setengah filem yang ditayangkan telah ketinggalan zaman dan saya tidak menyalahkan kepada kakitangan Jabatan Penerangan kerana tidak ada peruntukan yang memuaskan. Dan kebajikan bagi kakitangan di Jabatan ini juga saya dapati kurang terjaga walhal mereka ini patut benar diberikan pertimbangan dari segi kemudahan-kemudahan perumahan, latihan dan ganjaran-ganjaran bagi tugas-tugas mereka yang tidak mengikut waktu pejabat dan tidak mengira masa.

Pembantu-pembantu Luar Penerangan yang diambil terus bertugas bagi tiap-tiap kawasan Dewan Undangan Negeri dan dalam kawasan-kawasan Parlimen hendaklah sebagai kakitangan Kerajaan tidak menyebelahi satu-satu pihak politik. Mereka sepatutnya bekerjasama dengan pihak Kerajaan dan Wakil-wakil Rakyat dan bukan menjadi agen mana-mana pihak dan membuat laporan yang bertentangan dengan apa yang sebenarnya berlaku serta memburuk-burukkan Wakil Rakyat. Mereka mesti bertanggungjawab atas apa jua yang mereka laporkan dan tidak mengelirukan rakyat dan juga Kerajaan.

Mengenai orang-orang pelarian yang masih ada berjumlah lebih 10,000 orang yang ditempatkan di Pulau Bidong dan di Sungai Besi, diharap dapat dipindahkan segera ke negara ketiga kerana kita tidak mahu negara ini dibebankan dengan masalah-masalah sampingan atau "residual

problem", dengan izin. Di samping itu Kerajaan juga diharap memperketatkan kawalan masuk pendatang-pendatang dari negara-negara jiran, misalnya Thailand, Philippines dan Indonesia sama ada melalui saluran Immigresen yang sah atau tidak. Jika mereka ini datang untuk menyelesaikan masalah kekurangan buruh binaan misalnya janganlah mereka sewenang-wenangnya diberikan kemudahan Kad Pengenalan Merah dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya. Mereka mesti dianggap sebagai pekerja asing yang perlu mendapat permit kerja dan mesti dijamin berkelakuan baik kerana di mana sahaja mereka ini berada berbagai jenayah terjadi. Kecurian, rompak, samun bahkan perbuatan rogol juga mereka lakukan. Demi menjaga keselamatan rakyat kita sendiri, Kementerian Dalam Negeri hendaklah tegas dalam tindakannya.

Saya menyokong konsep pengswastaan memandangkan ianya akan meringankan beban kewangan bagi Kerajaan. Tetapi pihak Kerajaan hendaklah berhati-hati buat permulaannya ini dalam memilih perkhidmatan-perkhidmatan yang benar-benar akan menguntungkan rakyat dan Kerajaan sendiri. Kadar perlaksanaannya janganlah terlalu cepat kerana saya kawatir Bumiputera tidak bersedia memasuki pengswastaan ini secara besar-besaran. Jika ini berlaku maka sia-sialah usaha untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Satu perkhidmatan yang memang wajar diswastakan ialah perkhidmatan keretapi seperti yang telah diuraikan oleh Kerajaan. Seperti yang kita maklum, di negara-negara yang membangun mempunyai sistem kenderaan yang efisien dan kebanyakannya adalah khidmat keretapi yang cepat. Dan sekiranya Kerajaan dapat mengadakan khidmat keretapi cepat ini dengan bayaran

yang murah di dalam lingkungan kemampuan rakyat jelata maka masalah kesesakan lalulintas dapat dikurangkan dan majoriti rakyat itu akan lebih suka menggunakan kenderaan awam daripada menggunakan kereta sendiri dan besar kemungkinan ia akan dapat juga mengurangkan bilangan kemalangan di jalan raya.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:**  
Yang Berhormat dari Larut.

4.24 ptg.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyertai bersama-sama rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional bagi menyokong Belanjawan Negara tahun 1984 yang ada di hadapan kita di Dewan yang mulia ini.

Pertama, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan Jemaah Menteri yang telah dapat membentangkan Anggaran Belanjawan Negara di Dewan yang mulia ini pada 21hb Oktober, 1983 yang lalu yang mana Belanjawan Negara kita tahun hadapan merupakan belanjawan yang realistik, sederhana dan tidak membebankan rakyat jelata dan dapat diterima oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Kemelesetan ekonomi dunia adalah kesannya dirasai hebat oleh negara kita kerana bahan-bahan mentah keluaran negara seperti bijih timah, getah, kelapa sawit, koko, kayu-kayan dan lain-lain menerima kesan penurunannya yang berpunca dari keadaan perniagaan dunia yang turun naik dan lembab.

Kita Ahli-ahli Dewan ini merasa bembira mengetahui bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang mula-mula sekali dapat mengesan masalah sektor ekonomi antarabangsa atau ekonomi dunia dan Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas untuk membaiki imbangan pembayaran negara dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, strategi Belanjawan tahun 1984 adalah bertujuan:

- (1) membaiki dan mengukuhkan lagi imbangan pembayaran negara; dan
- (2) memperkemas serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan supaya Perbelanjaan Mengurus dan lebih-lebih lagi Perbelanjaan Pembangunan disesuaikan dengan sumber-sumber yang ada.

Belanjawan bagi tahun 1984 adalah mengemukakan langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi imbangan pembayaran negara kita, langkah memperkenalkan skim menggalakan untuk pengguna timah tempatan.

Berhubung dengan cadangan supaya pengguna-pengguna bijih timah diberi bayaran balik sebanyak \$700 setiap ton bagi tempoh yang digunakan dalam negeri untuk menggalakan lebih banyak timah diproses dalam negeri menjadi keluaran barang-barang siap. Syor ini adalah satu cadangan yang patut diberi pujian dan sokongan oleh seluruh rakyat kita khasnya pihak swasta dan pengguna-pengguna bijih timah.

Begitu juga adalah dialu-alukan syor langkah-langkah untuk memberi bayaran galakan bagi bahan-bahan mentah yang lain seperti getah yang diproses dan dikilangkan di negeri ini dengan secara besar-besaran.

Cadangan ini adalah untuk mengembangkan proses ekonomi negara menerusi penambahan perindustrian dan perkilangan dalam negara kita dan boleh memberi peluang yang lebih luas bagi mengurangkan atau menghapuskan pengangguran di negara kita. Kita juga adalah mengalu-alukan galakan cukai berbentuk elaun bangunan perindustrian yang diberi untuk meliputi bangunan-bangunan yang diluluskan untuk latihan perindustrian, gudang-gudang serta stor-stor untuk simpanan secara pukal.

Untuk menggalakkan perniagaan dan eksport barang-barang kemas, cadangan supaya duti import dan cukai tokok ke atas barang-barang bahan mentah seperti emas, permata dan separa permata yang digunakan dalam pembuatan barang-barang kemas dimansuhkan dan cadangan supaya barang-barang kemas yang telah siap dikesualikan dari cukai jualan. Ini adalah satu cadangan yang amat menasabah untuk memberi peluang lebih banyak lagi pertukangan dan perniagaan barang-barang kemas dapat berkembang di dalam negara dan juga ke luar negara dan juga memberi peluang kepada masyarakat menghimpunkan harta dan khazanah menerusi barang-barang kemas sedikit demi sedikit.

Begitu juga dialu-alukan di atas cadangan kajian semula duti-duti import ke atas barang-barang tertentu semoga dengan ini akan menyedarkan rakyat negara kita supaya mempergunakan bahan-bahan keperluan yang boleh didapati di negara kita sendiri dan sebaliknya kurang menggunakan barang di luar negeri kecuali yang sangat-sangat perlu dan mustahak.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah dicadangkan bahawa sejumlah \$27.692 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1983 iaitu \$19.016

juta atau 69% bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$8,676 juta atau 31% bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, daripada sejumlah \$3,365 juta untuk pelajaran yang disediakan, Perbelanjaan Mengurus sebanyak 2,343 juta adalah untuk program pelajaran rendah dan menengah dan \$440 juta untuk pelajaran tinggi.

Izinkan saya menyentuh yang mana sejumlah \$812 juta adalah disediakan untuk pembangunan bagi menampung kemudahan-kemudahan pelajaran yang kian bertambah terutama sekali mengenai pelajaran rendah dan menengah dan pada anggapan saya peruntukan ini adalah rendah dan tidak mencukupi.

Saya suka mengesyorkan supaya sekolah-sekolah rendah di luar bandar diberi perhatian untuk binaan bilik-bilik darjah yang baru bagi menampung penambahan pelajar-pelajar baru yang meningkat dengan pesatnya dari setahun ke setahun. Dalam tahun 1984 akan datang Kementerian Pelajaran mencadangkan kira-kira 3,900 buah bilik darjah yang baru akan dibina untuk menampung murid-murid sekolah rendah dan menengah yang dianggarkan bertambah sebanyak 137,000 pelajar-pelajar.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan pertambahan pelajar-pelajar baru bagi sekolah rendah ini, ada di antara sekolah-sekolah di kawasan saya yang memerlukan tambahan segera bilik-bilik darjah bagi menampung pengambilan pelajar-pelajar baru di awal tahun 1984 nanti. Memandangkan peruntukan-peruntukan yang berkurangan ada di antara sekolah-sekolah yang terpaksa Lembaga Pengurus Sekolah sendiri berikhtiar berserta dengan Persatuan Ibu bapa dan Guru-guru membangunkan bilik-bilik darjah tambahan bagi sekolah

mereka dengan semangat bergotong-royong.

Saya memberi pujian tinggi kepada semangat ibu bapa yang pada masa ini menyedari betapa pentingnya pelajaran bagi anak-anak mereka iaitu satu usaha seolah-olah menanam modal bagi kepentingan masa hadapan anak-anak mereka juga bagi kepentingan masyarakat dan negara, dalam keadaan negara menghadapi tekanan inflasi dan kemelesetan ini, maka ibu bapa sanggup menghulurkan derma dan membangunkan sekolah-sekolah tambahan bagi kepentingan anak-anak mereka. Apa yang saya harapkan semoga pihak Kementerian Pelajaran dapat membantu dan dengan kelengkapan-kelengkapan pembinaan dan kerja-kerja membina dapatlah dijayakan dengan semangat bergotong-royong oleh ibu bapa bagi menghadapi keadaan suasana negara yang sedang dijalankan perbelanjaan secara berjimat-cermat. Demi kepentingan pelajaran bagi penduduk-penduduk luar bandar, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran memberi perhatian berat untuk mengadakan asrama di sekolah-sekolah menengah di luar bandar yang kedapatan jauhnya pelajar-pelajar berulang-alik dan susah untuk mendapat kenderaan, maka adalah sangat menasabah bahawa asrama bagi pelajar sekolah menengah dapat dibangunkan bagi sekolah-sekolah yang strategik.

Di kawasan saya ada di antara sekolah-sekolah menengah yang telah pun diluluskan untuk membina asrama hanya menunggu pembinaan sahaja. Saya cadangkan supaya Kementerian Pelajaran dapat meneruskan cadangan yang telah diluluskan tersebut, maka dengan adanya asrama-asrama ini dapat meninggikan pencapaian tahap pelajaran bagi pelajar-pelajar yang tinggal sekumpul di asrama dengan sepenuh masa, dapat berunding dan bertukar fikiran dengan rakan-rakan

persekolahannya dan dapat diatur susunan atau cara pelajaran tambahan bagi mereka sewaktu berada di asrama tersebut, maka dengan ini akan dapat mengurangkan pelajar-pelajar yang tercicir dari tahun ke tahun.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pelajaran ini, saya suka memberi pujian yang tinggi atas dasar atau sistem KBSR yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran bagi seluruh sekolah-sekolah rendah kita iaitu menekan kepada memberi pelajaran mengenai Membaca, Menulis dan Mengira, kerana inilah tiga daripada matapelajaran yang terpenting bagi asas kanak-kanak untuk menentukan maju-jaya dalam pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi hinggalah ke institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat dijadikan satu sistem atau luns di bawah Dasar Pelajaran Kebangsaan kita itu bagi membentuk jiwa dan tingkah-laku pelajar-pelajar kita dalam satu suasana sistem tatatertib dari peringkat permulaan iaitu dari sekolah rendah ke sekolah menengah sehinggalah ke maktab-maktab dan juga ke institusi pengajian tinggi iaitu supaya satu garis panduan yang tertentu dapat diselaraskan menyeluruh bagi seluruh negara yang bermatlamatkan cintakan negara, muhibbah dan perpaduan berpandukan konsep Rukunegara. Bukan sahaja huraian falsafah Rukunegara itu dapat difahami, tetapi dapat diamali dalam kehidupan harian mengikut peringkat umur pelajar-pelajar tersebut dibesarkan dengan semangat didikan, asuhan dan bimbingan pada luns-luns Rukunegara iaitu pelajar-pelajar dapat mengenal Allah dan percaya kepada Tuhan, meletakkan Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Menjunjung Tinggi Keluhuran Perlembagaan dan mematuhi asas

kedaulatan undang-undang dan asuhan budi-pekerti dan sopan-santun yang terpuji dan termasuklah di bawah sistem tersebut asas-asas adap tatatertib, sopan-santun, budibahasa dan tingkah-laku yang pada masa ini semua pelajaran ini diajarkan dalam bahagian sivik bagi melahirkan tatatertib kepada pelajar-pelajar.

Jadi saya mengesyorkan kalau boleh dijadikan satu dasar yang menyeluruh, konsep yang perlu diamalkan bagi seluruh negara, juga mempunyai tanggungjawab menghormati ibu bapa dan orang tua-tua, menghormati guru-guru, pemimpin-pemimpin dan pentadbir-pentadbir, setiakawan dan hormat-menghormati, di samping memperkenalkan falsafah bendera negara dan negeri-negeri setiap murid-murid boleh menyanyi dan memahami Lagu Negaraku (National Anthem) dengan izin, juga lagu kebangsaan negeri-negeri dan lebih lagi lagu negara atau Negaraku, juga lagu-lagu yang diserapkan berselaras iaitu lagu-lagu yang berunsurkan didikan akhlak, semangat tanggungjawab dan cintakan kepada Prinsip Rukunegara perlulah digubah oleh pengubah-pengubah yang mahir disesuaikan dengan keadaan umur kanak-kanak dan pelajar-pelajar menurut saikologi supaya semangat cintakan negara menjadi tanggungjawab setiap rakyat itu ditiupkan ke jiwa dan ke sanubari kanak-kanak seperti apa yang dilakukan oleh pemerintahan Jepun waktu mereka memerintah negara ini selama 3 tahun 8 bulan dahulu itu iaitu menerusi nyanyian-nyanyian dan dengan seragam dan selaras di seluruh negara diserap bagi menimbulkan semangat tanggungjawab berdikari taatkan perintah dan cintakan kepada negara.

Tuan Yang Dipertua, barangkali banyak lagi kita yang dalam Dewan ini masih mengingat Jepun memaksa semua sekolah-sekolah, seluruh murid-murid dalam sebuah sekolah

berdiri beramai-ramai di padang dan tiap-tiap padang itu disediakan dengan pentas yang khas dan tiap-tiap hari mesti diberi semangat cintakan bendera, cintakan lagu negara yang masa itu lagu dia iaitu "Kimigayo", banyak orang masih ingat lagi lagu "Kimigayo" dan "Umiyukabah" ataupun lagu-lagu yang bersemangat yang lain yang diselaraskan bagi seluruh rakyat menanamkan jiwa-jiwa berani, bertanggungjawab, berdisiplin dan bertatertib. Keadaan inilah saya fikirkan sesuai bagi keadaan masa ini supaya tiap-tiap seorang rakyat pada masa akan datang cinta kepada negara yang tidak berbelah bahagi dan mengenal Prinsip Rukunegara adalah sangat penting kerana falsafah Rukunegara itu sendiri mengandungi konsep yang meliputi mengenai cinta kepada negara iaitu selain daripada Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Rukunegara yang pertama sekali, Percaya kepada Tuhan, Percaya kepada Allah, maka dengan konsep tiap-tiap orang percayakan kepada Allah ini sahajalah boleh mematuhi kepada undang-undang yang lain dan berasa bertanggungjawab bagaimana dia perlu berbuat baik dan tahu menghormati sesama makhluk, sesama manusia yang ada di dunia dan di mayapada ini dengan tidak membezakan warna kulit, ugama atau pun juga iaitu selain daripada hanya patuh kepada Allah dan mengikut Konsep Rukunegara lagi iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan.

Mungkin dengan konsep ini kalau ditanam dari kecil lagi dapat mengelakkan anak-anak kita, jenerasi yang akan datang daripada terpengaruh dengan anasir-anasir lain yang boleh menyelewengkan pemikiran mereka, kelakuan mereka lebih-lebih lagi anasir berbagai penyalahan, penyelewengan berlaku pada anak-anak kita termasuk penyalahgunaan dadah dan

sebagainya, dan kedapatan juga anak-anak yang tidak tahu menghormati ibu bapa dan tidak memandang tinggi pada guru-gurunya, tidak tahu menghargai pegawai-pegawai Kerajaan atau pegawai-pegawai daripada Jabatan-jabatan yang lain dan sebagainya.

Jadi dengan ini kita cuba didikkan menerusi sekolah lagi dari kecil dan membesarkan mereka itu dengan asuhan dan pimpinan ataupun contoh tauladan yang ditunjukkan oleh guru-guru kita beserta dengan ibubapa kepada Pengurus Sekolah serta mass media yang lain juga memainkan peranan berselaras supaya di mana juga rakyat kita berada, sama ada di kawasan pendalaman, di bandar, di luar bandar mempunyai perasaan dan jiwa yang sama cintakan kepada negara yang tidak berbelah bahagi dan bertanggungjawab, amanah, ikhlas, jujur dan patuhkan erti pemimpin dan tahu bertanggungjawab menjalankan pimpinan.

Saya mencadangkan supaya dapat disusun satu penyelarasan bagi seluruh negara dan perlu diamalkan oleh seluruh guru-guru dan difahami oleh Persatuan Ibubapa, waris kanak-kanak dan sekalian yang bertanggungjawab dapat diamalkan setiap hari, waktu pagi dan juga waktu petang kerana kita biasa kalau masa Jepun, pagi itu mesti semua sekali berdiri dengan tegaknya dan menyanyi lagu Negara Ku dan waktu hendak balik juga guru suruh bangun lagi sekali tiap-tiap darjah menyanyi lagu semangat yang lain. Jadi dengan keadaan begitu, anak-anak kita sentiasa dapat diserapi dengan tidak disedari semangat-semangat bertanggungjawab kepada negara dan cintakan kepada negara.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:**  
Yang Berhormat, masa sudah cukup!

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Masa cukup?

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, 20 minit.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih. Walaupun banyak lagi perkara yang saya ingin hendak sentuh, oleh kerana saya patuh kepada Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

4.42 ptg.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang):** Bismillahir rahamanir rahim. Tuan Yang Dipertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, pihak saya sebagai wakil daripada parti Hizbulmuslimin Malaysia (HAMIM) sukacita bangun untuk menyatakan sikap dan pendapatnya.

Dengan meneliti kandungan ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan ini pada 21 haribulan yang lepas, jelas menunjukkan betapa hati-hatinya pihak Kerajaan dalam membuat dan menyusun perbekalan ini dan kita rakyat Malaysia seluruhnya dapat menyaksi dan merasai hasil daripada persiapan perbekalan yang seperti inilah maka keadaan kehidupan yang selesa dapat terus kita nikmati selama ini. Walaupun dalam suasana ekonomi dunia mengalami zaman suram, meleset dan kesukaran, barangan negara merosot harganya, namun hasil daripada penelitian kita maka kehidupan rakyat dalam negara kita tidak banyak mengalami penderitaan dan kesulitan. Barang-barang keperluan harian senang kita dapati dan harganya tidak menjulang tinggi, tidak sebagaimana yang terdapat di setengah-setengah negara yang walaupun telah mencapai tahap yang

maju, tetapi untuk mendapatkan keperluan harian rakyatnya terpaksa dicatu ataupun mendapatnya dari pasar-pasar gelap. Keadaan yang seperti ini tidak berlaku di negara kita dan inilah yang menjadikan kesyukuran kita ke hadrat Allah subhanahu wataala.

Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, saya ingin membaca sepotongan ayat Al-Quran nul karim yang berbunyi:

“La'in syakartum laazi dannakum wala inkafartum innaazabi lasyadid.”

Yang bermaksud:

“Kalau kamu syukuri nikmat yang Aku berikan kepada kamu, nescaya Aku akan tambah berlipatganda lagi. Tetapi kalau kamu engkari atau tidak menghargai nikmat yang telah Aku berikan itu (innaazabi lasyadid), maka terimalah azab Ku yang amat pedih.”

Sikap dan pendirian parti saya, Tuan Yang Dipertua, adalah tegas. Kita akan memberi sokongan dan memberi penghargaan ataupun pujian kepada siapa sahaja yang membuat sesuatu yang benar ataupun baik walaupun datang dari lawan kita dan kita akan menentang sesuatu yang tidak baik walaupun datang dari kalangan kita sendiri. Ini sikap parti saya.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya memberi penghargaan di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1984 ini yang tidak banyak mendatangkan beban dan kesukaran hidup bagi rakyat yang berpendapatan rendah, terutama rakyat di kampung-kampung dan desa-desa. Cukai-cukai yang dikenakan itu pula tidak banyak melibatkan rakyat di luar bandar yang berpendapatan kecil. Rakyat kampung, terutamanya orang-orang Melayu tidak kenal “ablun”, apa lagi merasainya, tidak tahu apa itu

“shark’s fin” dan makanan mewah orang-orang yang tinggal di kota-kota besar dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam meneliti peruntukan perbelanjaan 1984 yang berjumlah \$27 juta lebih yang kira-kira 69% untuk Belanja Pengurusan dan 31% untuk Belanja Pembangunan itu ada beberapa perkara yang saya rasa perlu disentuh, terutamanya peruntukan beberapa sektor tertentu.

Walaupun mengikut peruntukan sektor kira-kira 25.7% dari Perbelanjaan Mengurus itu diperuntukkan bagi sektor sosial, 9.8% untuk sektor ekonomi dan 11.7% untuk sektor pertahanan dan keselamatan dalam negeri, namun begitu mengikut pengakuan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri bahawa kita telah membelanjakan wang terlalu banyak untuk pelajaran dan pelancongan ke luar negeri. Kita membuat pembayaran terlalu banyak untuk perkhidmatan perunding dan kontraktor asing. Kalaulah kita berbelanja banyak untuk pelajaran untuk meningkatkan mutu pelajaran anak-anak kita supaya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi demi untuk kepentingan negara, maka itu sesuatu yang amat wajar. Tetapi kalau kita berbelanja begitu banyak untuk hanya melancong ke luar negeri terutama bagi orang-orang yang ternama, maka saya harap keadaan ini hendaklah disederhanakan ataupun diberhentikan, kecuali benar-benar untuk faedah dan kepentingan negara.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang diakui sendiri oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bahawa kita telah terlalu banyak berbelanja untuk perkhidmatan perunding dan kontraktor asing itu. Maka di atas semangat berjiwat dan berhimat dalam perbelanjaan, begitu juga demi untuk kepentingan para kontraktor

tempat, terutama kalangan bumiputera, saya mengharapkan berhentilah pihak Kerajaan dari mengeluarkan belanja untuk perkhidmatan perunding dan kontraktor asing yang banyak menelan kewangan negara ini.

Kalaulah kita mengambil kontraktor-kontraktor asing dengan alasan untuk mendapat pemindahan teknologi, maka kita sebenarnya sangsi sebanyak manakah sudah teknologi yang didapati oleh rakyat Malaysia hasil dari kontraktor-kontraktor asing itu? Begitu juga dengan perkhidmatan perundingan yang banyak kita tahu bukan sedikit projek-projek besar Kerajaan kita yang tergendala, yang terbengkalai ataupun terlambat tempoh siapnya atau terpaksa peruntukan ditambah sehingga berganda-ganda banyaknya.

Tuan Yang Dipertua, mengikut Juru Odit Negara dalam satu wawancaranya dengan seorang wartawan akhbar tempatan telah menyatakan bahawa adalah menjadi kewajipan anggota Dewan Rakyat bertanya tentang hal ehwal perbelanjaan negara kepada pihak yang berkuasa. Jadi, pada hemat saya, memang wajar sekiranya ada anggota dalam Dewan yang mulia ini menimbulkan masalah BMF yang telah melibatkan wang lebih daripada \$1.7 bilion itu.

Pihak parti saya, Tuan Yang Dipertua, tidak akan menggunakan masalah BMF ini sebagai satu isu politik yang riuh-rendah kerana kita dapat memahami sebagai sebuah Kerajaan yang bersifat bersih, cekap dan beramanah sudah tentu akan berusaha membongkar segala penyelewengan yang berlaku dalam BMF itu. Saya menyambut baik perakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan mengeluarkan Kertas Putih ataupun lainnya untuk menjelaskan kepada Rakyat tentang BMF dan kedudukan

wang negara yang berbillion ringgit itu sama ada telah hilang atau diselewengkan dan menghukum pesalah-pesalah itu mengikut undang-undang negara.

Tuan Yang Dipertua, kalaulah masalah Bank Rakyat tidak lama dahulu didedahkan oleh Kerajaan tentang penyelewengan yang berlaku di dalam sebuah Kertas Putih yang telah dibentangkan dalam Dewan ini, maka saya fikir tidak ada sebabnya pihak Kerajaan yang bersikap cekap dan amanah itu keberatan untuk membentangnya dalam sebuah Kertas Putih juga. Tegasnya masalah BMF ini tidak boleh dibiarkan akhbar-akhbar luar dan dalam negeri membuat bermacam-macam berita yang mengelirukan rakyat dan pihak Kerajaan hendaklah bersikap tegas dalam masalah BMF ini supaya akhbar dan rakyat tidak membuat hukumannya sendiri.

Tuan Yang Dipertua, ada satu lagi yang penting ingin saya sentuh dalam perbahasan Belanjawan Negara 1984 ini iaitu masalah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Pihak parti saya adalah sentiasa memberi penghargaan dan mengalu-alukan sebarang usaha Kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap sektor pentadbiran negara. Walaupun saya menginsafi bahawa Kerajaan sentiasa berada di tengah-tengah tekanan antara dua tekanan, di satu pihak ialah tekanan yang timbul dari kalangan orang-orang yang bukan beragama Islam sebagaimana sekejap tadi kita mendengar daripada wakil Sungai Besi yang telah menimbulkan rasa kebimbangannya hasil daripada usaha Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam negara ini dan satu kalangan pula lagi timbul daripada golongan Islam yang radikal yang tidak akan merasa puas, yang tidak akan merasa senang, yang tidak akan menerima apa sahaja yang Kerajaan buat dalam soal hendak menerapkan

nilai-nilai Islam dalam negara kita ini. Saya amat sedar akan kedudukan Kerajaan sekarang ini. Tetapi saya mendesak pihak Kerajaan supaya meneruskan usahanya dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara ini dengan tidak mengambil hirau di atas kedua-dua tekanan yang ada itu.

Tuan Yang Dipertua, Islam tidak memaksa orang memeluk Islam dan Al-Quran mengajar dan memberi panduan bagaimana caranya hendak menyeru orang ke arah Islam. Tegasnya Islam berkembang bukan menerusi pedang dan kekuatan tetapi menerusi lisan dan penerangan, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, saya ingin membaca sepotong ayat Al-Quran yang bermaksud: 'Serulah kamu kepada jalan Allah s.w.t. dengan penuh bijaksana dan dengan memberi nasihat-nasihat yang baik dan kalau kita berbahas, dan kalau kita berdebat dengan orang-orang itu pilahlah cara-cara yang lebih baik dan lebih selamat. Ini adalah cara kita hendak menyeru orang-orang memeluk agama Islam ataupun menyetujui konsep dan akidah Islam. Jadi kalau ada golongan dalam masyarakat kita yang mendakwa dia sebagai juara ataupun pejuang Islam tetapi hendak memaksakan orang lain supaya memeluk agama Islam dengan cara kekerasan maka itu bukan mengikut pengajaran Islam yang sebenarnya tetapi itu adalah mengikut nafsu syaiahnya iaitu nafsu jahatnya.

Tuan Yang Dipertua, bagi rakyat terutama pemeluk-pemeluk agama Islam negara ini masih lagi tidak begitu terang dan masih kesamaran apakah erti sebenarnya penerapan nilai-nilai Islam itu. Apakah dengan kita mengadakan Bank Islam, mengadakan Universiti Islam, menubuhkan insuran Islam, menubuhkan pajak gadai Islam dan lain-lain agensi yang bernama Islam itu telah merupakan hakikat

penerapan Islam? Inilah hakikat yang sebenarnya yang perlu ditekankan oleh pihak Kerajaan supaya rakyat yang beragama Islam dalam negara ini merasa puas hati atau sekurang-kurangnya dapat memahami sepenuhnya erti penerapan-nilai-nilai Islam itu. Pihak kerajaan sekarang mempunyai Pusat Islam yang terletak berhampiran dengan Masjid Negara dan pusat ini akan berkembang lebar, akan berkembang lebih besar manakala siap kompleksnya yang bernilai puluhan juta itu, tetapi Pusat Islam ini akan menjadi tidak bererti dan bertenaga kalau tidak dikemaskinikan susunan organisasinya dan program kerjanya.

Pada hemat saya, Tuan Yang Dipertua, adalah sungguh lebih bererti kalau Pusat Islam atau segala aktiviti Islam dalam negara ini iaitu Tabung Hajinya, Yayasan Dakwahnya diletak di bawah pentadbiran seorang Menteri yang berjawatan penuh khusus yang terletak langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagaimana dengan kedudukan Menteri dengan urusan PETRONAS dan lain-lain lagi. Kalau masalah ini tidak diberi perhatian yang berat atau dengan serius oleh Kerajaan maka hasrat sebenar Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam itu akan dikatakan orang hanya untuk kepentingan politik semasa sahaja. Mungkin kita rakyat Malaysia sekarang beruntung dengan adanya seorang Perdana Menteri yang mempunyai minat dalam penerapan nilai-nilai Islam tetapi apa akan jadi dalam negara kita ini dalam usaha penerapan Islam ini kalau terdapat pada masa akan datang seorang Perdana Menteri yang kurang minat tentang Islam?

Tuan Yang Dipertua, melihat kesungguhan Kerajaan dalam usaha hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan negara inilah maka pihak saya dan seluruh penyokong-penyokong parti saya

adalah berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga suatu hari nanti sinar pengajaran Islam akan memancar dengan cemerlangnya dibumi persada tanahair kita Malaysia yang kita cintai bersama ini, insya-Allah.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya turut memberi sokongan di atas Rang Undang-undang Belanjawan 1984 ini.

5.57 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):**  
Tuan Yang Dipertua, saya bangun supaya bersama dengan rakan-rakan sejawat saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya menganggap bahawa tujuan Belanjawan ini adalah untuk menggalakkan pertumbuhan di samping mengurangkan kurangan dan pinjaman. Jika itu adalah tujuan-tujuannya maka langkah-langkah keseluruhannya untuk menggalakkan pertumbuhan dalam sektor swasta adalah tidak mencukupi.

Saya merujuk kepada satu daripada pembawa pertumbuhan yang lebih aktif dalam sektor swasta iaitu perindustrian pembinaan dan perumahan. Memang terdapat tanda-tanda pemulihan tentang ekonomi dunia tetapi sama ada pemulihan-pemulihan ini besar atau tidaklah diketahui. Walaupun demikian, saya rasa keadaan ekonomi adalah dapat untuk pemulihan ekonomi kita. Maka perindustrian pembinaan dan perumahan oleh kerana kedua-dua industri itu sudah terkenal sebagai penggalak pertumbuhan, haruslah sekarang diberikan galakan oleh Kerajaan. Malangnya, sebaliknya telah berlaku nampaknya dengan adanya cukai jualan tambahan ke atas setengah bahan-bahan binaan itu.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagaimana beliau bercadang menggalakkan industri pembinaan dan perumahan dari keadaannya yang lembab sekarang dengan Belanjawan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya gembira Kerajaan telah mengambil perhatian tentang kesan serius ke atas imbalan bayaran akibat pengaliran wang keluar melalui pembayaran kepada para perunding dan kontraktor asing. Saya dapat memahami dilema Kerajaan iaitu pada suatu pihak hendak membawa masuk pembangunan dalam masa sesingkat-singkatnya dan pada pihak yang satu lagi mengawal kehilangan hasil kepada negara-negara asing.

Tiada siapa yang boleh mengatakan kita tidak memberi peluang kepada para perunding dan kontraktor asing tetapi Kerajaan telah menyedari bahawa pembangunan begini oleh orang-orang asing perlukan pengorbanan besar.

Sekarang tidaklah lambat sangat bagi kita meneliti caranya supaya tidak bergantung sangat kepada sumbangan dari para perunding dan kontraktor asing. Dalam hal ini saya ingin bertanya Kerajaan apakah langkah-langkah yang akan diambil ke arah mencapai kemerdekaan kita daripada orang-orang asing itu.

Adalah satu perkara mengisytiharkan kehendak kita dan lain perkara menetapkan langkah-langkah perlu untuk mengawal kerja kepada orang-orang asing. Saya berharap antara tindakan-tindakan lain pihak Kerajaan boleh kurang bergantung kepada orang-orang asing dengan cara-cara yang berikut:

- (1) Kalau kerja berkenaan walau macam mana besar pun boleh dibuat oleh para perunding dan kontraktor tempatan maka

mesti jangan diberikan kepada orang-orang asing.

- (2) Bahan-bahan untuk kerja yang diberikan kepada orang-orang asing mestilah dibeli daripada punca-punca tempatan jika boleh.
- (3) Semua kepakaran tempatan yang boleh didapati mestilah digunakan sebelum menggaji orang-orang asing yang juga menjadi pakar-pakar dalam bidang yang sama.
- (4) Semua kerja yang diberikan kepada orang-orang asing mesti dijalankan oleh usahasama dengan orang-orang tempatan terdiri bukan sahaja daripada kaum Bumiputera tetapi termasuk kaum bukan Bumiputera. Ini mesti dikuatkuasakan supaya orang-orang tempatan diberikan peranan yang bermakna di dalam projek-projek itu.

Saya harap langkah-langkah di atas diambil oleh Kerajaan sebelum kita kehilangan lebih banyak tukaran wang asing.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lain yang ingin saya sampaikan ialah tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu dalam hal pembasmian kemiskinan. Banyak perkara telah dibuat untuk menemui Dasar Ekonomi Baru. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan di atas usaha ini. Tetapi dalam soal pembasmian kemiskinan iaitu untuk memberi kelegaan hidup kepada yang miskin masih lagi tidak memuaskan khususnya di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang Dipertua, saya dapati pihak Kerajaan tidak dapat memberi secukupnya perhatian ke arah ini lebih-lebih lagi yang terdapat di kawasan-kawasan bandar. Saya masih dapati satu keluarga yang mengandungi lima atau enam orang

tinggal di dalam petak atau bilik kecil yang luasnya tidak lebih dari 150 kaki persegi. Dalam hal demikian kita tidak berperanjat mendapati orang-orang miskin di kawasan-kawasan bandar tidak mendapati peluang yang baik lebih-lebih lagi anak-anak mereka. Dalam keadaan serba kekurangan ini anak-anak mereka tidak dapat belajar dalam suasana tenang dan dengan demikian tidak akan mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan. Ini akan menambah bilangan yang tidak berpelajaran dan juga tidak dapat melatih pekerja-pekerja mahir yang lebih produktif.

Saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya memikirkan masalah ini dengan seriusnya. Rancangan dan strategi mesti diambil untuk memulihkan keadaan kemiskinan ini. Saya mencadangkan kemudahan perumahan yang baik dan kawasan kediaman yang lebih sempurna diadakan untuk mereka ini.

Tuan Yang Dipertua, saya penuh yakin bahawa masih terdapat banyak kawasan bandar di mana ramai penduduknya tinggal dalam keadaan yang tidak selesa seperti yang saya nyatakan di atas. Kita mesti ingat bahawa melalui kemiskinan ketidakpuasan hati akan timbul dan ini akan digunakan sebagai senjata yang berkesan oleh anasir-anasir yang jahat di negeri ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin bercakap mengenai cukai jualan terutamanya yang melibatkan perusahaan suratkhbar. Hal ini telah menyebabkan naiknya bahan-bahan mentah seperti newsprint, kepingan-kepingan, dengan izin, offset printing plate, dakwat atau ink dan sebagainya. Perkara yang sangat merunsingkan perusahaan itu ialah kadar surtax 5% ke atas newsprint.

Saya percaya di Indonesia dan Singapura tidak ada cukai dikenakan ke atas newsprint. Sebagai punca

pendapatan jumlah yang diperolehi dari cukai itu begitu sedikit, lebih sedikit dari \$5 juta tiap tahun. Dengan adanya surtax itu perusahaan percetakan tidak begitu bersaing untuk mendapat tempahan percetakan luar negeri sebaliknya negara jiran kita akan mendapat monopoli untuk tempahan percetakan.

Perusahaan percetakan kita tidak dapat bersaing sekiranya didapatkan bahawa disebabkan surtax itu terlalu kecil dan sedikit serta tidak merosakkan perusahaan maka dengan demikian memang kena kepada tempatnya supaya kita menyingkirkan untuk membolehkan perusahaan itu dapat bersaing dengan saingan mereka di luar negeri.

Saya percaya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita akan bersetuju bahawa tujuan utama cukai dirancangan ialah untuk menambahkan atau untuk tidak menggalakkan import. Tetapi saya rasa adalah bijak bagi kita tidak menggunakan cukai atau tax untuk tidak menggalakkan eksport terutama sekali bila kita memandang keluar bagi menjual lebih banyak lagi barangan dan perkhidmatan. Dengan demikian juga saya ingin juga menggesa Menteri Kewangan agar mempertimbangkan untuk membatalkan cukai surtax 5% itu.

Tuan Yang Dipertua, sebagai tambahan kepada usaha memperbaiki penyampaian berita, saya ingin menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Kadar konsesi untuk bayaran panggilan telefon berbalik oleh kalangan akhbar untuk menerima berita daripada wartawan di lain-lain negeri atau tempat. Kini bayaran untuk panggilan seperti itu terlalu tinggi disebabkan panjangnya masa digunakan

untuk menghantar berita melalui telefon.

- (b) Kadar sewa talian teleprinter dan facsimile telefon untuk akhbar juga mahal. Pengurangan kadar bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut akan dapat membantu perusahaan itu.
- (c) Meminimalkan had penggunaan kemudahan telefon untuk transmisi automatik bagi fotograf berita dan utusan bergambar. Di Eropah akhbar-akhbar bebas menggunakan transmitters kecil yang digunakan dengan melekapkan kepada talian telefon.
- (d) Keutamaan perlu diberi kepada perusahaan itu untuk penggunaan talian telefon.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun hadapan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.10 ptg.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong (Kota Belud):** Tuan Yang Dipertua, sementara kita mengalul-alukan dasar Belanjawan negara, 1984 ada beberapa perkara yang harus kita pertimbangkan untuk menjamin bahawa apa juga strategi Belanjawan yang kita kemukakan masa kini haruslah menjamin asas yang kukuh dan pergerakan pertumbuhan ekonomi masa depan yang lebih baik untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya. Strategi kita hendaklah juga dilaksanakan untuk menjamin kestabilan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang Dipertua, dalam merangka pencapaian strategi pembangunan ekonomi di negara ini, saya suka menggariskan beberapa

bidang yang saya kira mempunyai potensi besar sekiranya diberi perhatian yang sewajar dan seterusnya dapat dilaksanakan:

- (a) mempelbagaikan strategi ekonomi negara dengan memberi pernekanan kepada pembangunan industri yang bersumberkan bahan-bahan tempatan (resource base industry);
- (b) pemulihan semula dan meneroka tanah-tanah baru untuk pertanian khususnya penanaman padi.

Matlamat utama bagi kedua-dua strategi ini ialah untuk meningkatkan prestasi negara terutama dalam merintis jalan ke arah pencapaian matlamat negara mengeluarkan bahan-bahan ataupun barangan siap yang bersumberkan bahan-bahan tempatan.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada dua strategi yang saya sebutkan itu, saya juga akan menyentuh beberapa perkara lain yang saya kira mempunyai hubungan rapat dengan usaha memperkukuhkan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi di negara ini, iaitu dari segi integrasi nasional, kebudayaan kebangsaan dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, kedudukan iklim tropika negara kita ini membolehkan kita menikmati kekayaan sumber-sumber seperti getah, koko, kelapa sawit dan sebagainya dan bahan galian seperti bijih timah, tembaga dan lain-lain barangan. Kedudukan istimewa ini sudah cukup bagi negara ini untuk mengharapkan pendapatan hasil eksport bahan mentah daripada sumber itu, tetapi ia juga mempunyai potensi yang besar untuk memajukan di bidang industri yang bersumberkan bahan-bahan tersebut. Kerana itu saya percaya bahawa dalam merangka atau merancang pembangunan ekonomi

negara dalam jangka panjang. Kerajaan seharusnya mempergiatkan penerokaan bagi mewujudkan industri yang mempergunakan bahan-bahan tempatan yang selama ini menjadi eksport utama negara.

Kita hendaklah terus menerus menjadi pengeluar utama bahan-bahan tersebut memandangkan kita mempunyai "comparative advantage" dan bukan setakat itu sahaja, negara kita mestilah mengambil peranan yang penting dari segi mengeksploitasikan akan kegunaan bahan-bahan tersebut sama ada dari segi penyelidikan ataupun pengeluaran negara-negara membangun.

Negara membangun hendaklah menukar dan menyesuaikan kedudukannya setaraf dengan maruah negara yang merdeka dan berdaulat iaitu peranan menjadi pengeksport bahan-bahan mentah seperti dijajah dahulu itu tidak lagi sejajar dengan keadaan sekarang. Keadaan ini kalau tidak diubah, kita masih juga seperti dijajah dahulu di mana kita tidak berkuasa merunding langsung hasil dari tindakan negara membangun yang menjadikan mangsa semua negara-negara yang dijajah di mana harga keluaran bahan mentah kita dikontrol oleh negara maju. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan kita supaya bertindak mempertingkatkan lagi pembangunan perusahaan yang berasaskan bahan-bahan tempatan, dengan memberikan galakan cukai yang menarik atau lain-lain galakan supaya lebih banyak industri yang sedemikian ditubuhkan di negara ini. Saya menaruh penuh kepercayaan bahawa kita boleh mempertingkatkan perusahaan yang berasaskan bahan-bahan tempatan berdasarkan konsep "forward intergration", di mana kita akan melebihi negara-negara lain memandangkan kita mempunyai bekalan yang setabil dan lebih murah daripada yang diperolehi oleh negara yang memproses bahan kita. Begitu

juga kita boleh memeterikan perjanjian dengan negara-negara pembuat perusahaan yang memerlukan bahan-bahan tempatan kita untuk diproses menjadi komponen. Kita boleh proses bahan-bahan kita sebagai alat komponen dan bekalkan kepada perusahaan-perusahaan yang memerlukannya agar mereka boleh mendapat bekalan yang setabil dan harga yang berpatutan.

Keadaan ini akan menghasilkan:

- (1) menambahkan pendapatan tukaran asing disebabkan value added;
- (2) mewujudkan peluang-peluang pekerjaan;
- (3) meningkatkan pengeluaran perindustrian;
- (4) memperbagai aktiviti perekonomian;
- (5) meningkatkan mutu pengeluaran hasil dari penyelidikan;
- (6) mempertahankan kedudukan sebagai negara pengeluar utama dan yang lebih efisien.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bahawa siapa sahaja di dalam dunia ini boleh mengeluarkan barangan-barangan asalkan ada wang dan bahan-bahan bekalan untuk diproseskan sama ada industri berat seperti membina kapal terbang, kapal laut, lori dan sebagainya kerana pada masa ini teknologi dan tenaga buruh boleh dibeli. Soalnya tidak semua negara boleh mengeluarkan getah, kelapa sawit, bijih timah dan lain-lain bahan yang kita miliki. Jadi kita mestilah memaksimakan kekayaan yang kita ada dengan menambahkan pelaburan di bidang ini untuk menambah pengeluaran dan mewujudkan industri berasaskan bahan-bahan tersebut. Keadaan ini akan mengukuhkan lagi kedudukan kita sebagai negara pengeluar dalam pada itu kita dapat

mempelbagaikan ekonomi kita dengan cara membina industri berasaskan bahan-bahan tempatan.

Saya rasa wang yang kita akan belanjakan untuk menguatkan kedudukan kita menjadi sebuah negara yang ekonominya teguh dan kukuh tidaklah seperti yang kita belanjakan untuk mewujudkan industri berat di negara ini. Lagipun rakyat di Malaysia ini terdiri dari manusia yang berlainan sikap dan tabiat. Mendedahkan mereka itu kepada keadaan yang di luar daripada kebolehan mereka, kemungkinan besar bahawa tidak banyak yang boleh menukar sikap dalam masa yang singkat iaitu saya kira dalam jangka 10-20 tahun. Adalah perlu diingat bahawa sikap Jepun dan Korea yang wujud pada masa ini adalah hasil daripada tradisi dan sikap yang telah dipupuk beratus-ratus tahun lamanya. Kalau semua manusia sama sikap dan tingkat pengeluarannya, maka itu bukanlah lagi dunia yang biasa. Sememangnya manusia di dunia ini berbeza-beza dan negara pun mempunyai hasil yang berlainan. Tambahan lagi zaman kebangkitan negara Jepun dan Korea dan lain-lain negara perindustrian di dunia ini adalah dalam keadaan pasaran yang luas. Pengetahuan teknologi terhadap kepada beberapa negara, bahan-bahan pengeluar dan lagi kos murah tidak banyak negara yang mampu dan fikir bahawa mereka boleh memajukan sektor perindustrian dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha kita mempergiatkan lagi bidang perindustrian kita termasuk yang besar-besaran di dalam industri berat, kita haruslah membuat beberapa perkiraan iaitu:

- (1) nilai pelaburan dan nilai pendapatan yang akan diperolehi daripada usaha itu dari segi economic cost dan benefit, begitu juga social cost dan social benefit.

- (2) kalau pasaran hanya di dalam negeri, mungkin kita akan kehilangan "comparative advantage", kalau ada pilihan lebih baik, kita mengeluarkan "capital goods" daripada "consumer goods", kerana "consumer goods" akan mengecewakan rakyat kalau tidak berkeupayaan untuk membelinya nanti, setelah beribu juta jumlah perbelanjaan akhirnya rakyat akan keciwa. Janganlah kita meletakkan harapan terlalu tinggi, nanti semua tidak berhasil kalau kerana kedudukan ekonomi yang tidak teguh akan menjejaskan pendapatan rakyat keseluruhannya.
- (3) sumber kewangan kita yang terhad.
- (4) pasaran luar negeri yang terhad memandangkan tindakan negara mengeluarkan barangan yang sama dan juga dasar perlindungan negara-negara tersebut.
- (5) sikap rakyat tidak boleh diubah dalam jangka masa yang singkat.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap Kerajaan akan berhati-hati merancang pembangunan perindustrian dan ekonomi negara oleh sebab implikasi terhadap tekanan yang berlebihan ini akan mengakibatkan penggunaan kewangan yang tidak efisien dan faedah kepada rakyat keseluruhannya tidak akan tercapai maksimumnya. Kita tidak mahu jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar bertambah luas dan begitu juga jurang antara miskin dan kaya makin meningkat. Kalau terlalu kuat tarikan dari bandar di manakah Kerajaan akan berkeupayaan membina rumah murah dan mendapat tanah untuk maksud tersebut, tidak termasuk peluang pekerjaan dan latihan yang terpaksa

diwujudkan? Keadaan ini akan terus berlarutan disebabkan pendapatan dan keadaan luar bandar yang tidak menarik. Akhirnya, bidang pertanian dan perikanan akan ketinggalan, tanah sawah akan terbiar.

Saya percaya hampir seratus peratus belia dari luar bandar tidak mahu tinggal dalam keadaan yang menyedihkan kecuali Kerajaan bertindak untuk meninggikan pendapatan penduduk di luar bandar dan kita mempunyai kemampuan berbuat demikian kalau pemimpin-pemimpin dan perancang-perancang kita menaruh minat yang lebih dalam bidang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya takut di satu masa kalau kita terus-menerus tidak mengambil tindakan yang lebih serius terhadap keadaan yang berlaku di luarbandar maka satu tumpuan penduduk berlebihan di bandar yang akan mengakibatkan masalah sosial seperti perumahan, pengganguran dan lain-lain masalah seperti di Kota Jakarta, Manila, Sao Paulo, Rio de Janeiro, Mexico dan lain-lain negara yang tidak berjaya meningkatkan pendapatan luarbandar. Saya ulang lagi, dan lain-lain negara yang tidak berjaya meningkatkan pendapatan luarbandar.

Kedua, hasil pertanian akan merosot dan kemungkinan bekalan makanan akan terjejas. Ini akan menambah lagi masalah rakyat tidak berkemampuan beli bekalan makanan sesuai dengan pendapatannya.

Ketiga, kalau satu dan dua telah berlaku adalah mustahil untuk menukar kembali keadaan dan masalah-masalah sosial akan terus tidak dapat dibenteras atau dikawal.

Oleh yang demikian, Tuan Yang Dipertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya menyemak semula rancangan-rancangan dan dasar-dasar negara mengenai pertanian dan di

mana sebahagian besar penduduk kita bermastautin.

Tuan Yang Dipertua, saya beralih kepada masalah integrasi nasional. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa konsep integrasi nasional bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini khususnya antara rakyat Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Mungkin tidak keterlaluan kalau saya katakan di sini bahawa pelaksanaan konsep ini sebenarnya belum begitu dapat dirasai atau menimbulkan satu kesedaran yang mendalam dalam diri kita. Oleh kerana pengertian konsep ini terlalu luas. Besar kemungkinan kita cuma menekankan sahaja konsep ini di segi beberapa bidang sahaja misalnya melalui Bahasa Kebangsaan, kebudayaan, pertukaran lawatan antara rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tetapi saya kira masih banyak bidang lain yang harus diterokai supaya cita-cita kita ke arah mencapai penyatuan nasional ini benar-benar terlaksana dan berkesan. Apa yang dapat saya perhatikan ketika ini ialah bahawa konsep penyatuan nasional ini tidak lebih dari satu seruan di mana rakyat masih samar-samar dengan cara bagaimana mengamalkannya. Malah kalau kita benar-benar merasa committed kepada pelaksanaan konsep ini agar sukar bagi kita untuk memikirkan satu alasan yang mantap yang boleh kita gunakan sebagai ukuran tentang sejauh manakah sudah pencapaian itu atau kejayaan kita sebenarnya dalam penyatuan nasional ini.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya bahawa konsep ini bukan sahaja bertujuan mulia terutama dari segi mengukuhkan perpaduan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum dan agama, di negara ini tetapi konsep ini tidak syak lagi akan memberi sumbangan ke arah penyatuan tenaga dan fikiran penduduk di negara untuk membangun negara.

Dalam hubungan ini saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan-cadangan seperti berikut:

Pegawai-pegawai ataupun usahawan-usahawan serta orang-orang berkelayakan dari Sabah dan Sarawak hendaklah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat Kerajaan seperti Permodalan Nasional Berhad, Bank Bumiputra, Malayan Banking, PERNAS, PETRONAS, LPN, UDA dan sebagainya. Matlamat ini adalah bertujuan supaya mereka yang dilantik itu kelak akan lebih terdedah kepada keadaan yang wujud di ibu negara dan alam merasa bahawa kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia di Semenanjung dan bukan sebagai anak tiri yang membebankan atau anak angkat yang dibiarkan menjaga masa depannya sendiri.

Sehubungan dengan pencapaian cita-cita penyatuan nasional ini saya juga merayu kepada Kerajaan Pusat supaya meluaskan fungsi, badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan seperti MAJUIKAN, MAJUTERNAK, RISDA termasuk apa juga bentuk subsidi dan lain-lain kemudahan yang diberi kepada rakyat di Semenanjung.

Pengawasan ini adalah wajar memandangkan bahawa badan-badan ini mendapat peruntukan dari Pusat tetapi hanya ditumpukan di Semenanjung sahaja. Walaupun ada bantuan atau pertolongan yang dibuat untuk Sabah dan Sarawak ia hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Saya yakin dan percaya, Tuan Yang Dipertua, bahawa sekiranya cadangan-cadangan ini dilaksanakan ia bukan sahaja dapat membantu dari segi memajukan ekonomi negara tetapi ia dapat pula memainkan peranan berkesan ke arah integrasi nasional itu tadi.

Tuan Yang Dipertua, untuk meneruskan perbahasan ini saya ingin menyentuh sedikit tentang isu kebudayaan nasional yang baru-baru ini telah banyak dibangkitkan sama ada di suratkhbar-suratkhbar ataupun di dalam Dewan ini.

Kebudayaan Nasional ini nampaknya dijadikan sebagai satu isu di beberapa pihak. Sebelum saya menghuraikan lebih lanjut topik ini, saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempertikaikan perkara ini, adakah mereka itu pandai membuat tarian singa dan berapa kalikah telah melakukan dalam seumur hidup mereka? Apa yang saya nampak gerak-geri Ahli-ahli tersebut bukan sebagai orang Cina tetapi malah seperti orang yang berkulit Putih.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita betul-betul mementing kebudayaan sendiri lebih baiklah kita pecahkan negara ini. Sebab Sabah dan Sarawak pun mahu kebudayaan sendiri. Masyarakat pribumi seperti Kadazan, Bajau, Murut juga tentulah berasa berhak menuntut supaya kebudayaan mereka juga dijadikan sebahagian kebudayaan kebangsaan. Begitu juga dengan orang-orang Iban, Budayuh, Malanao di Sarawak mereka juga berhak supaya kebudayaan mereka ditonjolkan sepertimana yang hendak dituntut oleh pemimpin Pembangkang di Semenanjung yang kebetulan mewakili sebahagian masyarakat kaum Cina. Kaum pribumi di kedua negeri ini sebenarnya lebih berhak untuk mendesak supaya kebudayaan mereka juga mendapat tempat yang istimewa. Tetapi syukurlah kerana kaum ini bertolak-ansur semata-mata kerana ingin menjaga perpaduan berbilang kaum sentiasa hidup subur di negara ini. Malangnya kalau kebudayaan ini terus-menerus dibangkitkan maka lama kelamaan rakyat di Sabah dan Sarawak akan diheret dan ke arah pertelingkahan yang remeh-temeh yang tidak

memberikan apa-apa sumbangan kepada fikiran atau membentuk masyarakat Malaysia yang benar-benar bersefahaman bersatupadu dan hidup aman makmur.

Sebenarnya kebudayaan Melayu bukanlah satu kebudayaan yang luarbiasa. Ia bukanlah merupakan satu perkara antara hidup ataupun mati. Ianya hidup sebagai simbolik kepada negara yang mengandungi masyarakat majmuk. Kita biarkanlah orang Melayu memilikinya, sementara kita turut sama-sama mempraktikkannya. Kita biarlah bertolakansur, kita tidak mempunyai masa dan kewangan untuk mengheret perkara ini dengan begitu lama. Dan lebih penting daripada ini lebih banyak kita bercakap atau bertelingkah mengenainya akan lebih menghancurkan perpaduan kita. Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa tidaklah semua orang Melayu memakai pakaian Melayu di Dewan yang mulia ini. Sebabnya kebanyakannya kita menggunakan kot. Sebabnya kita senang memakai baju kot, selesa untuk semua orang. Ini adalah kebudayaan orang Putih. Tetapi oleh sebab selesa kita pakai. Oleh sebab keselesaan jugalah maka kita gunakan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan.

Tuan Yang Dipertua, saya merasa sedih sekali kerana walaupun perkara ini sudah dibangkitkan dalam Belanjawan tahun lalu tetapi nampaknya masih ada lagi yang tidak faham, atau mungkin sengaja berbuat demikian kerana ingin menjadikan satu isu politik.

Sesungguhnya ini merugikan bangsa sendiri. Rakyat Cina juga akan rugi sebab masyarakat itu bukan pula digalakkan untuk bertolak ansur tetapi seolah-olah disemaikan semangat untuk bertegang. Siapakah sebenarnya nanti yang akan menang? Pemimpin yang mahu diundi bukan rakyat sebab rakyat tidak akan

menang. Biar mati pun Melayu tidak akan undur. Jadi, semangat benci itu dipupuk oleh setengah pemimpin supaya boleh jadi Wakil Rakyat bercakap di Parlimen mendapat publisiti dengan muka tersergam hebat di suratkhobar-suratkhobar, konon sebagai hero rakyat tetapi sebenarnya untuk kepentingan diri sendiri.

Saya tahu Melayu hendak dicuba atau kata pepatah: "Mencuba air yang tenang jangan disangka tidak ada buaya." Tetapi apa yang saya faham orang-orang Melayu itu sebenarnya pantang dicabar. Orang-orang Melayu itu memang terkenal dengan pepatah: "Biar putih tulang, jangan putih mata". Mereka lemah-lembut tetapi cuba dicabar dia akan melenting dan waktu itu dia akan kenal sabar, lemah lembut lagi sebab dia bukan lagi Hang Tuan tetapi dia menjadi Hang Jebat. Ingat, kalau semua Melayu jadi Hang Jebat, parah padahnya. Tetapi kalau kita pun bersikap seperti mereka apalah salahnya, jangan lagi warganegara diberi, jawatan Menteri pun kita dapat.

Oleh itu lebih baiklah kaum yang lain minta semua Melayu jadi Hang Tuah. Perkara ini akan lebih senang kerana peribadi bagi Melayu itu memang begitu. Tetapi janganlah diungkit-ungkit perkara yang mahu menjadikan mereka itu Hang Jebat.

Sebenarnya dalam keadaan sekarang ini oleh sebab telatah setengah pemimpin-pemimpin warganegara pendatang Melayu yang lebih jadi rungging oleh sebab keikhlasan dan kebaikan mereka akan menerima bangsa pendatang masih tidak memuaskan hati orang-orang Cina dan India dan selalu mahu sentuh lagi apa yang diberi kepada orang Melayu. Jadi oleh sebab perkara ini terus-menerus diungkit-ungkit maka Melayu pun terus-menerus mahu menyelidiki sama ada yang diberi kepada mereka itu pun cukup atau tidak. Kalau orang lain diam-diam

saya percaya keadaan akan jadi lebih tenteram, aman dan damai. Kepada kaum lain gunakanlah kebudayaan masing-masing untuk adat perkahwinan dan lain-lain adat sendiri, tidak ada siapa yang hendak menegah. Saya pun faham itu semua untuk pengaruh politik tetapi bolehkah kita panggil diri kita sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, kalau isu itu kita gunakan untuk kepentingan politik supaya kita diundi duduk di Parlimen dapat publisiti besar-besaran tetapi dalam pada itu tindakan tersebut merugikan bangsa dan negara, merugikan kaum sendiri.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Yang Berhormat ada seminit lagi.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Sekejap lagi. Bolehkah beri 5 minit lagi?

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Dua minit saya boleh beri.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa perbincangan ini tidak lengkap sekiranya tidak menyentuh isu-isu yang telah digembar-gemburkan oleh Ahli Yang Berhormat dari pihak DAP di Dewan yang mulia ini. Saya sebenarnya amat sedih sekali di atas taraf dan mutu perbincangan dan tingkahlaku Ahli DAP di Dewan ini. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam ucapan membahaskan dasar Belanjawan 1984 telah menghabiskan masa satu jam lima belas minit daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu kepada satu isu yang jelas dan sudah pun diketahui ramai. Biasanya tujuan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah semata-mata untuk mendapat publicity murah supaya banyak lagi ucapan yang boleh dibukukan dan boleh dijual kepada orang ramai yang sebenarnya tidak faham dan mengetahui akan motif Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Tuan Yang Dipertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan beberapa isu lapuk dan isu yang sudah diketahui ramai. Sebagai bukti, Ahli DAP memutar belitkan kenyataan dan mengelirukan orang ramai di mana kononnya Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh yang telah mendapat untung yang besar apabila Pulau Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan.

Yang pertama ialah betul, Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh memiliki tanah di Labuan tetapi tidak seperti yang dinyatakan oleh ahli silap mata dari Sandakan. Tanah yang dimiliki oleh Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh hanyalah beberapa ekar sahaja.

Kedua, saya tidak nampak bagaimana Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh akan mendapat keuntungan yang berlebihan. Tanah adalah mengikut harga pasaran dan apabila Pulau Labuan menjadi Wilayah Persekutuan tidak semestinya tanah Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh sahaja yang akan naik harga sekiranya pun harga tanah akan naik. Saya percaya harga tanah tidak akan naik daripada keadaan sekarang kerana Kerajaan Pusat tidaklah akan membangunkan Labuan lebih daripada apa yang mustahak dilaksanakan di Labuan. Lagi pun, Tuan Yang Dipertua, kekayaan Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh sudah menjadi pengetahuan umum. Beliau tidak payah mengharapkan hasil daripada penjualan tanah itu untuk menjadi kekayaannya tidak seperti Ahli Yang Berhormat dari Sandakan terpaksa berburu untuk menjadi ahli silap mata untuk mendapat pengaruh politik, terpaksa berlakon, terpaksa membuat kenyataan yang mengelirukan.

Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh pernah 4 tahun yang lalu menawarkan tanahnya dengan percuma seluas 500 ekar kepada Universiti ASEAN sekiranya

universiti tersebut ditubuhkan di Labuan. Inikah tindak-tanduk orang yang mahu mendapat untung daripada penjualan tanah. Saya cabar Ahli Yang Berhormat dari Sandakan membuat ucapannya di luar Dewan ke atas tuduhannya yang kononnya Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh yang memiliki 70% daripada tanah di Labuan. Kalau tidak saya tuduh beliau mempermainkan Dewan yang mulia ini sebagai gelanggang berbohong, berdusta dan seorang ahli yang tidak tahu tanggungjawabnya.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Setapak.

5.34 ptg.

**Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri (Setapak):** Tuan Yang Dipertua, Belanjawan 1984 yang kita sedang bincangkan tidaklah sehebat yang diperkatakan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu. Sebelum Belanjawan 1984 diumumkan kedengaran ramalan-ramalan oleh pakar-pakar ekonomi kita, peniaga-peniaga, pemberita-pemberita akhbar, tok-tok nujum kita bahawa Belanjawan kali ini adalah berat memandangkan keadaan inflasi di Malaysia dan juga di dunia keseluruhannya. Tiap-tiap kali bila Belanjawan menjelang tiba berbagai spekulasi akan timbul dan tiap kali apabila Belanjawan diumumkan kita dapati bahawa ramalan-ramalan dan spekulasi-spekulasi ini tidak menjadi kenyataan, tidak tepat, sedikit sahaja benar dan lain-lain yang dihebohkan hanya kekal sebagai spekulasi dan ramalan sahaja.

Kita mesti ingat bahawa ekonomi kita banyak bergantung kepada keadaan dan putaran ekonomi antarabangsa yang mana kita sendiri tidak

dapat mengawalinya. Walaupun Kerajaan telah berusaha untuk membendung bahang daripada kemelesetan ekonomi antarabangsa sedikit sebanyak kesannya dapat dirasai oleh negara kita. Ekonomi kita ialah suatu yang pada asasnya bergantung kepada pengeksporan barangan utama seperti getah, bijih timah, minyak, petrolium, minyak kelapa sawit dan lain-lain dan sementara ini import barang-barang kita telah bertambah. Barang-barang buatan Malaysia menghadapi pertandingan yang berat dan hebat di pasaran luar negeri dan dengan dasar protectionism yang diamalkan oleh beberapa buah negara di dunia ini maka barangan dan jualan daripada negara kita dapat tentangan yang hebat.

Tidaklah anih atau hairan sekiranya imbalan pembayaran negara mempunyai tanda-tanda yang tidak sihat. Keadaan kemelesetan luar negeri telah menyebabkan kurang permintaan ke atas barangan dan seterusnya menjatuhkan harga-harga barangan ini. Dengan keadaan yang ada sekarang ini nampaknya hasil-hasil utama kita terpaksa bergantung kepada pasaran dalam negeri yang mana tidak dapat menggunakan atau memproses barang-barang utama ini pada keseluruhannya. Maka pengeluaran barangan-barangan utama terpaksa dikurangkan yang mana akan menyebabkan pemberhentian kerja dan ramai di antara orang-orang kita telah menganggur.

Ini akan memberatkan lagi negara dan dengan demikian Kerajaan pada masa ini sedang meningkatkan berbagai-bagai projek dan program pembangunan di seluruh negara. Ini adalah satu usaha ke arah menstabilkan imbalan pembayaran kita dan juga dengan sumbangan industri perlombongan dan

pembuatan yang diharap menunjukkan prestasi yang lebih baik untuk masa hadapan negara ini. Sungguhpun beberapa buah negara yang maju dan sedang membangun mengalami akibat yang buruk daripada kemelesetan ekonomi dunia dengan terdapat kes-kes di mana industri-industri besar terpaksa membuang dan memberhentikan pekerja-pekerja mereka hingga akhirnya mereka ini terpaksa bergantung atas bantuan kebajikan (welfare aid) daripada Kerajaan mereka masing-masing. Syukur alhamdulillah dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita serta anak-anak buahnya di Kementerian beliau kesan inflasi dan kemelesetan ekonomi antarabangsa tidak melanda ekonomi negara kita dan cara rakyat jelata dengan begitu teruk.

Apa yang perlu Kerajaan dan rakyat berbuat hari ini dalam kemelesetan ini ialah berjimat cermat dan jangan membazirkan wang. Sektor awam dan sektor swasta mestilah juga merancang langkah jimat cermat, setiap ringgit yang dibelanjakan mestilah memberi pulangan nilai yang sewajar. Setiap projek yang hendak dilaksanakan mestilah ditimbang dan diteliti dengan sewajarnya sebelum ianya dilaksanakan. Di dalam melaksanakan sesuatu projek itu orang yang bertanggungjawab ke atasnya mestilah menentu dan menjaminkan yang projek ini dijalankan dengan bersih, cekap dan amanah. Ia mestilah menentukan yang penyelewengan tidak berlaku hingga menyebabkan sesuatu projek itu tergendala dan terbengkalai yang mana akan merugikan negara dan rakyat jelata dan menjejaskan ekonomi negara. Kita telah melihat dalam negara ada juga projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun yang membazir, sia-sia dan gagal menepati sasaran dan objektif asalnya.

Satu contoh yang masih dalam ingatan kita ialah Lembaga Ternakan Negara yang gagal menunaikan fungsinya untuk menguruskan hal ehwal ternakan dan penyembelihan daging. Sesungguhnya tujuan asal penubuhannya baik dan dari segi hasrat dasar pertanian nasional. Memandangkan bahawa Lembaga ini telah ditubuhkan mengikut kehendak undang-undang, Menteri yang bertanggungjawab terpaksa membawa satu undang-undang ke Dewan ini untuk membubarkan Lembaga ini. Yang paling akhir kita dengar dan ketahui ialah RISDA yang mana telah membelanjakan berjuta ringgit untuk menubuh anak-anak syarikat yang tidak mendatangkan faedah besar kepada pekebun-pekebun kecil kerana anak-anak syarikat ini telah mengalami kerugian baru, sekerat jalan sahaja kerana salah pentadbiran dan kurang cekap untuk menghadapi dunia perniagaan.

Negara kita bernasib baik kerana mempunyai Menteri yang cekap untuk menghapuskan gejala dan amalan salah ini di RISDA. MAJUTERNAK ditegur oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau melawat negeri Johor tahun ini bahawa beliau ingin melihat prestasi yang memuaskan dan jika tidak fungsi-fungsi MAJUIKAN akan diswastakan.

Dengan bukti-bukti tersebut di atas Kerajaan mestilah menentukan hanya pegawai-pegawai yang bersih, cekap dan amanah sahaja yang boleh dipertanggungjawabkan atas tugas-tugas yang berat ini atau diisikan ke jawatan penting di dalam mana-mana badan berkanun dan juga anak-anak syarikatnya. Jika tidak berjuta-juta ringgit duit Kerajaan akan hilang begitu sahaja dan tidak mendatangkan pulangan kepada ekonomi negara. Pengawasan yang rapi mestilah wujud dan dibuat. Jika tidak sia-sia sahaja cukai dan hasil yang Kerajaan kutip

untuk menampung Perbelanjaan Belanjawan tahunan tetapi tidak digunakan dengan bijaksana dan wajar.

Kita mesti ingat bahawa beberapa projek yang dijalankan oleh Kerajaan ialah dibiayai oleh pinjaman luar negeri yang mana kita terpaksa membayar balik. Di sini saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memastikan projek-projek Kerajaan ini, di badan-badan berkanun dan anak-anak syarikatnya sekiranya prestasi tidak memuaskan patutlah Kerajaan memikirkan untuk di swastakan semuanya.

Walaupun ekonomi Malaysia dijangka akan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.6% berbanding dengan kadar 4.9% yang diramalkan untuk tahun 1983 dan keadaan ekonomi negara-negara perindustrian dan juga Malaysia bagi tahun 1984 nampaknya akan bertambah lebih cerah akibat kesan buruk keadaan kemelesetan antara bangsa akan kurang menyenangkan negara ini dan juga negara-negara yang sedang membangun. Dari itu rakyat dan Kerajaan hendaklah berwaspada dan harusnya sedaya upaya untuk membendung daripada kesan buruk ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya langkah Kerajaan untuk merombak segala dasar import kita yang mana bertujuan untuk membaiki imbalan pembayaran kita. Kebanyakan daripada barang-barang import ini digunakan oleh orang-orang yang berada yang rela membelanja lebih kerana kemampuan mereka berbuat demikian. Contohnya ialah pakaian dan barang makanan. Rakyat-rakyat kita yang berada mampu membeli pakaian yang diimport dengan harga \$100 atau lebih sepasang, tetapi bagi golongan yang berpendapatan rendah

mereka hanya mampu membeli pakaian buatan tempatan dan memakan makanan yang diproses di dalam negeri. Maka adalah wajar dan kena pada tempat dan masanya dinaikkan duti import 5% hanya 50% ke atas 66 jenis barang import ini, seperti keju, coklat, cendawan dan shark's fin bukanlah makanan tradisional rakyat Malaysia. Makanan yang dikeluarkan oleh pembuat-pembuat di negara kita tidaklah kurang mutunya, keselesaiannya, kacaknya, rasanya dan khasiatnya.

Sekarang saya beralih pula kepada perkara yang ditunjukkan iaitu cukai tokok, duti import dan lain-lain duti. Usaha untuk menyelaras dan memudahkan kutipan hasil kastam adalah satu langkah yang bijaksana termasuk juga cadangan supaya duti-duti import ditukar dari kadar tertentu kepada kadar menurut nilai (ad valorem). Sungguhpun ini pada permulaannya melibatkan hanya 45 jenis barang import tetapi ianya akan mudah para Pegawai Kastam mengira cukai yang hendak dikenakan ke atas barang-barang yang diimport oleh peniaga-peniaga. Langkah ini menjimatkan masa pihak Kastam dan bagi masyarakat peniaga pula mereka lebih mudah mengetahui berapa kadar cukai yang akan dikenakan dan menghapuskan gejala-gejala kelewatan untuk memproses pencukaian ke atas barang-barang import mereka.

Salah satu daripada strategi Belanjawan, agensi bagi Kementerian Wilayah Persekutuan ialah memajukan tanah-tanah rizab Melayu. Ini merupakan satu strategi yang sangat baik yang dialu-alukan oleh mereka yang menduduki atau memiliki tanah-tanah rizab orang Melayu. Dengan pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur hari ini hingga merobah bentuk, identiti dan suasana bandaraya yang menjadi ibu negara Malaysia, penduduk-penduduk dan

tuan-tuan tanah rizab Melayu merasa hampa kadang kala apabila mereka melihat dan meninjau kawasan di sekitarnya yang tidak ada perubahan yang nyata jika dibandingkan dengan bangunan-bangunan mencakar langit yang telah tumbuh seperti cendawan. Bangunan-bangunan ini terletak di luar kawasan rizab Melayu. Kawasan-kawasan ini telah maju dengan pembangunan moden yang dikemaskinikan dan nilai-nilai kawasan ini terutamanya bangunan-bangunan telah naik melambung berbanding dengan bangunan-bangunan yang terletak di atas kawasan simpanan atau rizab Melayu. Masalah yang menimpa kawasan dan tanah rizab Melayu ialah bagaimana hendak membangun dan memajukan tanah-tanah yang berpotensi ini. Apakah cara dan jalan yang boleh membimbing mereka yang mempunyai tanah-tanah rizab Melayu ke arah zaman pembangunan dan kemajuan di tengah-tengah kesejukan Wilayah Persekutuan ini.

Tahun ini genaplah kita mencapai kemerdekaan 26 tahun. Apa yang kita tahu dan lihat ialah peranan yang dimainkan oleh UDA. Sungguhpun UDA dipertanggungjawabkan untuk membangun bandar Kuala Lumpur tetapi peranannya lebih besar ditumpukan kepada kawasan dan tanah-tanah yang bukan rizab Melayu. UDA hanya memainkan peranan yang kecil dari segi membangun tanah-tanah rizab Melayu. Apa yang kita kehendaki ialah satu peranan yang besar dimainkan oleh UDA untuk memajukan tanah rizab Melayu ini. Tetapi kita sama-sama maklum bahawa UDA ialah sebuah agensi Kerajaan yang mempunyai taraf Persekutuan dan peranannya meliputi seluruh negara beserta dengan tanggungjawab yang agak besar juga. Maka kita tidaklah boleh bergantung sangat dengan UDA untuk membangunkan tanah-tanah Rizab Melayu ini.

Apa yang patut Kementerian Wilayah Persekutuan buat ialah menubuhkan suatu badan khas di bawah Kementerian untuk menguruskan hal ehwal tanah Rizab Melayu ini. Dengan tertubuhnya badan ini, usaha ke arah membangun dan memajukan tanah-tanah dan kawasan Rizab Melayu dapat dijalankan dan diuruskan dengan sempurna. Tanah-tanah dan kawasan ini tidaklah tertinggal di belakang di dalam segi pembangunan. Badan ini dapat menyelaras, mengawal dan membantu memberi nasihat kepada tuan-punya-tuan-punya tanah. Masalah-masalah seperti hakmilik, pinjaman wang, merancang pembinaan bangunan bertingkat, mencari pelanggan-pelanggan untuk disewa apabila bangunan itu siap kelak, bolehlah diserahkan kepada badan ini untuk menguruskannya.

Di kawasan Wilayah Persekutuan terutama terdapat beberapa kawasan lombong yang sudah tinggal yang tidak berproduktif lagi ataupun lombong-lombong yang sudah habis tempoh pajakan. Tanah-tanah lombong ini pada asalnya adalah kepunyaan orang-orang Melayu. Di zaman penjajah tanah-tanah yang kaya dengan bijih ini telah berpindah milik atas kehendak-kehendak Kerajaan British pada masa itu kerana sumber-sumber bijih terdapat di dalamnya yang mana adalah hasil utama di samping getah. Tetapi sekarang tanah-tanah ini telah tinggal sebagai lombong-lombong tinggal.

Memandangkan salah satu daripada strategi Kementerian ialah memperbanyakkan peluang pemilikan harta bagi Bumiputera di Wilayah Persekutuan, saya sangatlah berharap bahawa Kerajaan dapat melalui badan khas yang saya memperkatakan tadi supaya berusaha mengambilalih tanah-tanah lombong ini untuk dijadikan kawasan Rizab bagi Bumiputera. Yang demikian kekuatan

dari segi pemilikan tanah oleh Bumiputera dapatlah dibanggakan dengan pemilikan oleh rakyat Malaysia yang bukan Bumiputera.

Dengan pemuliharaan dan pengambilalihan tanah-tanah lombong terbiar ini, dicampur pula dengan lebih kurang 1,175 hektar atau 2,900 ekar kawasan Rizab Melayu yang sudah ada itu seperti Kampung Bharu, Kampung Datuk Keramat, Sungai Penchala, Bukit Segambut, Gombak dan Selayang maka dapatlah ditambahkan kawasan Rizab Melayu yang pada masa sekarang hanya merupakan 4.8% daripada kawasan Wilayah Persekutuan keseluruhannya sahaja. Usaha-usaha ke arah tujuan pengambilalihan tanah-tanah lombong ini bolehlah dijalankan sekiranya Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan suatu badan atau corporation sebagaimana yang ternyata di dalam Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Perumahan juga merupakan satu masalah di dalam Wilayah Persekutuan ini dan perumahan ini ialah suatu keperluan asas bagi tiap-tiap keluarga di Wilayah Persekutuan. Bagi mereka yang mempunyai rumah sendiri iaitu dengan cara membeli atau mewarisinya sebagai harta pesaka dari segi undang-undang, mereka ini bolehlah dianggap sebagai manusia-manusia yang bernasib baik. Bagi penduduk-penduduk yang lain mereka tidak bernasib baik kerana tidak mempunyai rumah mereka sendiri dan kadangkala terpaksa mendirikan rumah-rumah kilat di kawasan-kawasan setinggan yang mana tanah ini dipunyai oleh pihak-pihak seperti Kerajaan ataupun pihak-pihak perseorangan.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk menentukan bahawa setinggan-setinggan yang berada di atas tapak-tapak Kerajaan ini mempunyai cara pemindahan yang sesuai bagi menentukan supaya

kawasan setinggan ini tidak menjadi satu isu politik bagi orang-orang yang tidak bertanggungjawab di Wilayah Persekutuan ini.

Dengan itu, saya menyokong Belanjawan bagi tahun 1984.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Menglembu.

5.55 ptg.

**Tuan Yew Foo Weng (Menglembu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan untuk tahun ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober baru-baru ini, dan sekarang izinkan saya memberi sedikit sebanyak pandangan saya di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini ialah satu Belanjawan yang pragmatik dan sederhana. Dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, beliau adalah menyentuh dengan tegas kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia yang buruk dan berpanjangan ataupun berterusan dan keadaan ini tentu akan menjadi satu sumber kebimbangan kepada semua rakyat jelata dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, resesi dunia yang berstruktur ataupun, dengan izin, Structural Global Recession, sudah meninggalkan kesan yang buruk terhadap ekonomi Malaysia. Hakikat ini tidak menghairankan oleh sebab Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai satu sistem ekonomi yang paling tinggi dalam paras penggantung terhadap perdagangan dengan negara-negara lain.

Dalam tahun 1980 eksport-eksport kita menganggotai 60% daripada Keluaran Domestik Kasar ataupun Gross Domestic Product, dengan izin, berbanding dengan nisbah 37% bagi

Korea Selatan, 31% bagi Indonesia, 28% untuk United Kingdom dan 10% untuk Amerika Syarikat. Oleh kerana saiz sektor eksport ini terlampau besar maka sektor ini boleh meninggalkan pengaruh yang kuat terhadap kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia dan turun naik dalam perolehan-perolehan eksport boleh mengakibatkan satu darjah ketidak stabilan yang tinggi dalam pengeluaran dan pendapatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, resesi yang kini dialami oleh Malaysia adalah memanifestasikan dalam kejatuhan perolehan-perolehan eksport, kejatuhan dalam harga-harga, pertumbuhan dari segi permintaan dan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan adalah menyatakan satu pemindahan dasar fiscal yang istimewa iaitu Kerajaan adalah menganggotai Belanjawan anti-putaran ataupun anti-cyclical budgeting, dengan izin, yang memindah dari kedudukan lebih (surplus) kepada deficit yang teruk dalam akaun semasa (current account) imbalan pembayaran. Kejatuhan dalam perolehan-perolehan eksport negara kita boleh membawa kesan yang buruk.

Sektor eksport Malaysia kini adalah jauh lebih mempelbagaikan daripada apa yang terdapat dalam tahun enam puluhan apabila getah dan bijih timah menganggotai sebahagian besar daripada jumlah eksport. Dalam tahun 1981 jenis komoditi eksport kita sebanyak 5 barangan penting iaitu petroleum, getah, kayu balak, kelapa sawit dan bijih timah dan semuanya ini bersama-sama menganggotai 75% daripada jumlah perolehan eksport, dengan 10% disumbangkan oleh barang-barang perkilangan. Dalam resesi kini hal yang wujud ialah kejatuhan am dalam keseluruhan permintaan atau harga, atau kedua-duanya, untuk semua barangan

eksport yang penting yang tersebut di atas termasuk barangan perkilangan. Ini telah mengakibatkan kemerosotan am dalam perolehan-perolehan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkembangan lain yang lebih mengecut ialah kemerosotan cepat dalam "term of trade" negara kita dalam tempoh 3 tahun yang lepas.

Dalam Laporan Ekonomi 1983/84, terms of trade bagi tahun 1979 ialah 103% asas perbandingan ialah 100% untuk tahun 1970. Pada tahun 1982, kadar ini terjatuh ke paras 69.9%. Tetapi meningkat sedikit ke paras 73.5% pada tahun 1983 bagi tempoh Januari ke Jun. Jumlah kejatuhan sebanyak 31% ini dalam tempoh 3 tahun sudah pasti akan meninggalkan kesan yang besar terhadap ekonomi pada keseluruhannya dan oleh yang demikian kerugian-kerugian yang disebabkan oleh kejatuhan dalam perolehan-perolehan eksport akan dibesarkan. Kejatuhan dalam terms of trade membawa maksud bahawa Malaysia hanya boleh memperolehi 69 unit import sebagai pertukaran untuk tiap-tiap 100 unit eksport.

Dalam tahun 1982 jumlah perolehan eksport Malaysia ini ialah 28,000 juta dan kerugian 31% ini bernilai \$8,300 juta ini satu kerugian yang terbesar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Keluaran Negara Kasar (Gross National Product) bagi tahun 1982 bernilai \$63,000 juta dan kerugian tersebut ialah satu kejatuhan bernilai 15% dari KNK. Walaupun kadar pertumbuhan ekonomi negara (OECD) telah mula turun pada tahun 1980, ekonomi Malaysia hanya mulai mengalami kejatuhan yang besar dan pertumbuhan KDK dan KNK dalam tahun 1982, dan dalam tempoh kedua-dua permintaan luar dan dalam telah dijejaskan dan akhirnya ekonomi negara kita telah melungsur ke dalam

resesi. Pengwujudan dalam perolehan-perolehan eksport telah meratakan lagi penggunaan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang lain yang menjelaskan pandangan saya bahawa Malaysia pada masa sekarang telah membelanjakan lebih daripada pendapatan sejak tahun 1980. Dalam tahun 1980 KNK berjumlah \$49,340 juta dan jumlah perbelanjaan akhir ialah \$49,901 juta. Ini bererti perbelanjaan telah melebihi pendapatan sebanyak \$561 juta dalam akaun semasa dan akaun semasa telah meningkat ke paras 5% daripada KNK menunjukkan satu darjah perbelanjaan yang tertinggi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah menghadapi satu masalah yang lain iaitu imbalan pembayaran yang akan menyekat pencapaian pertumbuhan tinggi. Dengan memperkembangkan ekonomi dalam tahun 1979 sampai tahun 1982 melalui tingkat perbelanjaan yang tinggi dari defisit-defisit perbelanjaan yang besar Kerajaan telah banyak menyumbang bagi defisit-defisit niaga dan akaun semasa. Perbelanjaan Kerajaan yang tinggi ini telah menambahkan pendapatan, tetapi kesan yang diakibatkan ialah jumlah import pun meningkat.

Dalam tahun 1981 jumlah barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan bernilai \$36 billion menganggotai 55% daripada nilai jumlah perbelanjaan akhir iaitu \$61,000 juta.

Tuan Yang di-Pertua, resesi telah mendedahkan dengan jelasnya kedudukan Malaysia yang terlampau bergantung kepada ekonomi dunia khususnya negara-negara yang maju. Adalah jelas juga ekonomi dunia pada masa sekarang sedang menghadapi satu resesi yang berstruktur dan ketidak setabilan ekonomi kita ialah satu hasil daripada penggantungan yang berat. Ini bererti eksport-eksport

tidak akan memainkan peranannya sebagai punca pertumbuhan dengan berkesan. Dan Kerajaan dengan secepat mungkin mesti mengambil perhatian yang berat untuk memperkembangkan sektor domestik sebagai satu punca pertumbuhan dengan tujuan mengurangkan pembayaran asing untuk barang-barang import dan perkhidmatan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, bertambah pula Malaysia juga menghadapi satu masalah pempupusan sumber yang bakal boleh menjadi serius pada masa hadapan. Keluaran bijih timah telah mencapai kemuncaknya dan mula berkurang. Pada awal tahun 90an sumber-sumber kayu-kayu balak mungkin pupus akibat kadar eksploitasi kini yang masih tinggi walaupun satu dasar pemulihan telah mula dilaksanakan.

Sumber perikanan kita sedang dipupuskan melalui penangkapan lebih oleh pukut tunda dia pencemaran. Sementara lapis atas tanah yang subur sedang dihakis oleh hakisan tanah dan pembasmian hutan. Masanya sudah sampai untuk menyingkirkan segala pembaziran dan mengorientasikan segala prioriti-prioriti pembangunan agar sumber-sumber akan digunakan dengan lebih rasional.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan kepada bentuk resesi yang kini dialami adalah perlunya sasaran-sasaran pertumbuhan dikurangkan. Dengan permintaan eksport yang buruk deficit akaun semasa dan belanjawan yang besar dan dalam masa jangka panjang pempupusan sumber-sumber minyak, kayu-kayu balak dan bijih timah, semua perancangan ekonomi dan pembangunan patut diambil kira faktor baru ini.

Dengan berlakunya kejatuhan dalam kadar-kadar pertumbuhan

maka adalah amat perlu bagi ekonomi kita diorientasikan semula kepada pengeluaran dan pembekalan keperluan asas, iaitu makanan, perkhidmatan-perkhidmatan, air-air, sinitasi, perumahan, pengangkutan dan sebagainya serta pemeliharaan dan memperkembangkan punca rezeki untuk majoriti rakyat negara kita yang miskin tidak kira kaum, agama dan kebudayaan. Ini adalah perlu bukan sahaja kerana ianya satu matlamat sosial yang diinginkan tetapi juga untuk mencegah satu pertambahan yang besar dalam kemiskinan dan pengangguran dalam konteks pertumbuhan yang rendah. Kerajaan mesti memberi tekanan yang berat kepada pembangunan infrastruktur untuk memberi kemudahan-kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, negara patut mengurangkan pergantungan kini terhadap perdagangan, pinjaman dan pelaburan asing dan teknologi yang diimport. Segala ini adalah menyebabkan ketidak setabilan dan resesi dan kerugian dalam syarat perdagangan, aliran keluar pertukaran asing dan pendapatan pelaburan dan bayaran-bayaran yang tinggi untuk barang-barang modal dan teknologi.

Kerajaan pada masa ini mesti menghentikan keseluruhannya konsep menggalakkan dan memberikan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor asing dalam segala projek-projek pembangunan untuk membaiki keadaan yang buruk ini iaitu kerugian wang pertukaran asing dan langkah ini mestilah dilancarkan dengan secepat mungkin untuk mewujudkan suatu sikap kebanggaan negara dan kepercayaan kepada kemahiran dan keupayaan kita adalah setaraf dengan kontraktor-kontraktor asing. Untuk mencapai suatu darjah berdikari yang lebih tinggi, kita memerlukan suatu strategi penggantian import (import substitution), yang comprehensive dalam berbagai-bagai bidang, di

antara langkah-langkah penggantian import yang boleh diambil adalah seperti yang berikut:

Pengeluaran makanan patut ditambahkan secara besar-besaran.

Dalam tahun 1981 Malaysia mengimportkan makanan sebanyak \$3 billion termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran yang berjumlah \$406 juta, daging dan binatang-binatang hidup untuk makanan berjumlah 187 juta, susu dan barang-barang tenusu \$358 juta dan gula \$512 juta. Adanya banyak skop untuk cukup diri dalam makanan dan pengeluaran, makanan pertanian dijadikan asas untuk pembangunan sektor domestik yang lebih berdikari. Permintaan untuk makanan dijangka akan bertambah selaras dengan pertumbuhan dan penduduk-penduduk negara kita. Pengeluaran untuk makanan tempatan tentu akan mengurangkan harga-harga bagi makanan yang berhasiat untuk orang-orang dari golongan miskin yang sebenarnya memerlukannya.

Kerajaan mesti memberi priority yang secepat mungkin untuk menubuhkan pembangunan, tanaman, makanan di peringkat-peringkat negeri dan daerah. Ini adalah mustahak sekali oleh sebab pada masa sekarang kebanyakan tanah-tanah yang lapang dan berdekatan dengan pusat-pusat bandar telah diserahkan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk pembangunan perumahan. Adalah sangat menggalakkan jika pihak Kerajaan Negeri mengadakan rancangan yang tertentu untuk menyerahkan tanah kepada petani-petani tanam sayur-sayuran dan rancangan yang positif ini tentulah akan mendapat sambutan yang positif dari pihak petani kecil.

Langkah ini boleh menambahkan pendapatan bagi mereka yang pada masa sekarang masih menjalankan usaha-usaha mereka bercucuk tanam secara sementara atas tanah terbiar

dan dalam suasana ketakutan iaitu pada satu masa Pejabat Tanah akan mengacau mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan saya pada hari ini dan saya menyokong penuh Belanjawan yang dibentangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tenggaroh. Kalau tidak, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.15 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagia di dalam perbincangan Belanjawan Negara tahun 1984 di samping memberikan sokongan terhadap belanjawan tersebut yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1983 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikuti perbincangan sejak beberapa hari yang lalu dapat diceritakan di sini bahawa Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat masih berada di suatu tahap yang rendah dari sudut keberkesanan dan pencapaian matlamatnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang mewakili masyarakat luar bandar masih hingga ke saat ini menyatakan hasrat mereka kepada Kerajaan supaya sosio ekonomi masyarakat luar bandar diperbaiki dan diletakkan di suatu tahap yang sejajar dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru itu sendiri.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa masyarakat luar bandar masih berada dalam keadaan kais pagi, makan pagi; kais petang, makan petang. Ada pula di antaranya yang menyatakan bahawa masyarakat luar bandar itu seperti

katak di bawah tempurung ataupun seperti rusa masuk kampung. Walaupun bukan semuanya miskin, bukan semuanya kawasan luar bandar itu belum diresapi oleh pembangunan setelah 26 tahun negara ini mencapai kemerdekaan, tetapi gambaran-gambaran yang diberikan itu cukup untuk mempamerkan kepada kita mengenai kemiskinan mereka, tak tumbuh kata orang tak melata, kalau tak sungguh, orang tak kata; kalau angin tidak bertiup takkan pokok boleh jadi bergoyang.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita adalah ekonomi yang berasaskan pertanian. Sekali imbas negara kita yang bertulang-belakangan pertanian itu lahir hasil dari penat lelah dan titik peluh masyarakat tani. Petani-petani ini keluar subuh, balik lewat petang mengusahkan kawasan pertanian mereka bagi menyara hidup keluarga di samping memberi khidmat kepada negara. Tetapi sejauh manakah petani-petani ini secara perseorangan dapat menikmati dan dapat pulangan yang setimpal hasil dari usaha mereka itu, Jika masih rata-rata petani di dalam negara ini merintih kelaparan tanah, masih rata-rata petani di dalam negara ini menyuarakan tentang tanah-tanah yang terbiar, jika rata-rata masyarakat nelayan di dalam negara ini masih hidup dalam keadaan dhaif di dalam negara mereka yang subur dan kaya-raya ini, jika masih kedengaran suara peniaga-peniaga kecil bumiputera merungut mengenai tapak-tapak perniagaan yang tidak sesuai diberikan kepada mereka, mengeluh kerana kesukaran mendapatkan pinjaman-pinjaman modal dari institusi-institusi kewangan di dalam negara ini, jika masyarakat bumiputera masih ada yang ditutup mata mereka, disumbat telinga mereka dan dikunci mulut mereka mengenai peluang-peluang memperbaiki kedudukan ekonomi mereka yang dicurahkan dengan tidak

henti-henti oleh Kerajaan. Ke mana perginya usaha-usaha Kerajaan selama ini untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang telah melebihi satu dekad seperti yang dimaktubkan di dalam Dasar Ekonomi Baru itu. Golongan manakah yang lebih menikmati hasil usaha Kerajaan dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru itu. Adakah terdapat perilaku tidak sihat di kalangan-kalangan tertentu dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab mereka ke arah pembasmian kemiskinan di dalam negara ini? Adakah peruntukan kewangan yang telah dicurahkan oleh Kerajaan selama ini yang berjumlah beratus-ratus, malah beribu-ribu juta ringgit itu benar-benar sampai kepada masyarakat miskin yang berhak menerimanya di dalam proses penyelesaian kepincangan sosio ekonomi masyarakat luar bandar di dalam negara ini.

Soalan-soalan ini harus direnungkan dari masa ke semasa dengan keikhlasan dan kejujuran di dalam menghayati masalah-masalah itu semoga Tuhan akan memberi taufik dan hidayahnya sehingga kelak kita akan dapat menginsafi dan menyedari bahawa sebenar-benarnya apa yang dinikmati oleh masyarakat luar bandar yang menjadi tulang-belakang negara ini dari sudut ekonomi dan politik adalah terlalu sedikit. Di atas keinsafan dan kesedaran pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sekarang, maka beberapa perubahan secara drastik telah dilakukan. Walau bagaimanapun sehingga kini masih ada golongan-golongan yang secara tidak disedari, secara yang tersirat ingin melihat bahawa Dasar Ekonomi Baru itu sendiri menemui kegagalan.

Golongan yang pertama menggunakan taktik-taktik halus sehingga tidak boleh dilihat oleh mata kasar menjalankan usaha bagi mengagalkan Dasar Ekonomi Baru

itu. Apabila dilihat bahawa usaha-usaha itu akan menemui jalan buntu dan kegagalan, maka akan wujud pertanyaan-pertanyaan kepada Kerajaan secara lantang, adakah Kerajaan akan melanjutkan tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 dan pertanyaan-pertanyaan yang seumpamanya.

Golongan yang kedua pula ialah golongan dalaman yang memainkan peranan serampang dua mata, memainkan peranan telujuk lurus, kelingking berkait; bertanam tebu di bibir; pipih di luar, rencong di dalam. Di dalam hubungan ini mereka sering melaung-laungkan bahawasanya merekalah juara di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Merekalah golongan yang mempunyai kecekapan serta keupayaan dalam membantu Kerajaan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Sejarah telah membuktikan kewujudan kedua-dua golongan seperti yang telah disebutkan tadi, tetapi oleh kerana kehalusan permainannya, kelicinan operasinya, maka kewujudan mereka jarang-jarang dapat dikesan oleh Kerajaan. Saya berharap Kerajaan akan sentiasa berwaspada dan berhati-hati tentang tindak-tanduk golongan-golongan yang telah saya sebutkan itu tadi.

Tuan Yang Dipertua, kita tidak mahu melihat rakyat yang mendokong Kerajaan, rakyat yang meletakkan Kerajaan di dalam keadaan jitu, teguh dan kukuh, rakyat yang memperjuangkan kemerdekaan negara ini dilupakan jasa-jasa mereka. Mereka mempercayai kepimpinan Kerajaan barisan Nasional dengan penuh harapan agar satu pembelaan yang adil, satu pembelaan yang saksama dapat dilaksanakan. Mereka mengharapkan kepincangan masyarakat dapat diatasi. Mereka mengharapkan matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai apabila sampai masa dan tempohnya. Mereka

menaruh beribu harapan agar semua yang pincang, semua yang janggal dan semua yang tidak seimbang dapat diperbaiki.

Kita tidak mahu melihat satu masa nanti mereka berada dalam keadaan ayam dikepok mati kelaparan, itek di air mati kehausan. Kita tidak mahu melihat satu masa nanti nasib mereka seperti nasib pak kadok; menang sabong, kampung tergadai. Kita juga tidak mahu melihat satu masa nanti masyarakat di luar bandar ini menimpa nasib seperti nasib Si Lebai malang; mudik ke hulu tatkala air sedang surut, mudik ke hilir tatkala air menyusur pasang, hingga akhirnya lebai malang seperti kata pepatah: yang dikejar tak dapat, yang dikendong keciciran.

Selaku anak watan yang menegakkan kedaulatan negara ini, maka nasib dan masa depan mereka perlu diperjuangkan. Kerajaan perlu mempertingkatkan dan mengikhtiarkan jalan bagi memperbaiki sistem pertanian di dalam negara ini yang sehingga kini masih ramai lagi diusahakan secara tradisi dan mengeluarkan hasil yang tidak mencukupi untuk menyara hidup keluarga mereka secara sederhana.

Kerajaan perlu menyelesaikan masalah kepincangan akibat dari kemiskinan masyarakat nelayan di dalam negara ini. Jeritan, keluhan dan rintihan peniaga-peniaga kecil Bumiputera dalam negara ini perlu dipertitikberatkan oleh Kerajaan. Tempat-tempat perniagaan yang sesuai, modal yang mencukupi perlu diberikan kepada mereka.

Tuan Yang Dipertua, rakyat yang miskin, terutamanya masyarakat Bumiputera dalam negara ini yang telah banyak berkorban untuk menegakkan negara, di samping memelihara kedaulatan dan kemerdekaan negara ini perlu di dampingi selalu. Mereka perlu

dididik, diberikan tunjuk ajar di dalam menghadapi arus pembangunan negara yang kian pesat. Di dalam keadaan ini, saya tidak mahu melihat mereka menerima nasib seperti nasib emak serendang; sayang emak serendang, dagang lalu ditanakkan, suami pulang kelaparan, anak di pangku dilepaskan, kera di hutan disusui, habis kayu rumah dibakar.

Institusi-institusi kewangan yang diwujudkan di dalam negara ini seperti Bank Pertanian, Bank Bumiputera, Bank Rakyat, Bank Pembangunan dan yang seumpamanya adalah bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam memperbaiki taraf hidup rakyat, terutamanya kaum bumiputera yang di zaman penjajahan dahulu ditinggalkan jauh di dalam bidang ekonomi oleh kaum-kaum yang lain. Di samping itu, institusi-institusi kewangan tersebut ditubuhkan sebagai menyahut hasrat rakyat supaya Kerajaan bertindak tegas dan segera menyelesaikan masalah kemiskinan yang telah sekian lama membendung, membelenggu mereka. Dengan perjuangan rakyat, terutamanya kaum Bumiputera, institusi-institusi kewangan tersebut diwujudkan. Rakyat mengharapkan kepicikan hidup mereka dibantu. Rakyat mengharapkan agar masalah kekurangan modal bagi mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan dapat dibantu. Rakyat mengharapkan agar pertanian dan penangkapan ikan selama ini yang dijalankan secara tradisi dapat diubah mengikut perkembangan zaman yang serba mencabar ini.

Secara umumnya rakyat mengharapkan pulangan yang se-timpal dengan hasil usaha mereka. Penat jerih mereka, sokongan padu yang mereka berikan hingga institusi-institusi kewangan itu tertubuh dan berdiri dengan megahnya, setelah ianya berkembang pesat mengembangkan sayapnya hingga ke

seluruh dunia, ia lupa memandang ke bawah, lupa kepada rakyat yang satu masa dahulu menegakkannya. Ia lupa bahawa kewujudannya adalah hasil perjuangan rakyat. Di sana sini rakyat mengadu bahawa mereka susah untuk mendapatkan pinjaman. Tunjuk ajar kepada rakyat tentang cara-cara untuk menjalankan perniagaan dan cara-cara memilih bentuk perniagaan yang menguntungkan dan cara-cara membuat kertas kerja perniagaan untuk memastikan validitinya jarang-jarang sangat diberikan. Tetapi pemberian berjuta-juta ringgit, malah beribu juta ringgit begitu mudah sekali dikeluarkan, seperti BMF misalnya. Mengapa dan kenapa perkara ini harus berlaku?

Berkaitan dengan perkara ini sukaulah saya mencadangkan supaya institusi-institusi kewangan Kerajaan yang ditubuhkan hasil dari titik peluh rakyat itu dan yang telah menyimpang jauh dari tujuan asalnya supaya kembali ke pangkal jalan meneliti dan menginsafi asal usul mereka. Kalau menadah ke langit, janganlah lupa rumput yang dipijak di bumi. Perasaan terlalu materialistik dan individualistik yang ada pada orang-orang yang bertanggungjawab di dalam institusi-institusi kewangan itu haruslah disingkirkan jauh-jauh. Tolong jangan jadikan diri seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan kewangan BMF yang baru-baru ini diheboh-hebohkan di dalam akhbar-akhbar sehingga menjadi buah mulut orang ramai, izinkan saya menyokong hasrat beberapa pihak yang tertentu supaya Kertas Putih dikeluarkan agar orang ramai tahu tentang kedudukan yang sebenarnya. Rakyat ingin tahu dari manakah sumber kewangan yang diperolehi oleh BMF untuk diberikan pinjaman berjumlah \$1.7 billion itu kepada Carrian? Rakyat ingin tahu bilakah

tarikh-tarikh pinjaman itu dikeluarkan? Rakyat ingin tahu siapakah orang-orang yang bertanggungjawab meluluskan pinjaman sebesar itu? Saya berharap agar isu ini dapat diselesaikan dengan kadar yang segera supaya DAP tidak lagi mengambil kesempatan menggunakan isu tersebut sebagai modal politik mereka dan boleh mengeruhkan suasana keharmonian masyarakat di dalam negara yang telah dibina dan dikawal sejak sekian lama.

Tuan Yang Dipertua, di dalam keadaan negara menghadapi rintihan rakyat supaya masalah kemiskinan di dalam negara ini dan di samping mewujudkan satu sistem pentadbiran yang bercogan kata, "Bersih, Cekap dan Amanah" serta menanamkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara, pengaruh Kebudayaan Kuning semakin menjalar masuk ke dalam negara ini. Jika pengaruh ini dibiarkan berleluasa, ianya akan menghancurkan harapan negara ke arah membawa rakyat yang bermaruah dan berhimah tinggi.

Dalam hal ini saya berasa amat berdukacita terhadap DAP yang sering mempertikaikan masalah penerapan nilai-nilai Islam di dalam Dewan yang mulia ini. Penerapan nilai-nilai Islam bukan bererti bahawa setiap warganegara di dalam negara ini mesti berjubah, mesti mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Penerapan nilai-nilai Islam sudah lama diamalkan di dalam negara kita ini. Nilai-nilai suci Islam menekankan bahawa kita perlu berbaik-baik di antara satu sama lain. Kita perlu bertegur sapa di antara satu sama lain. Kita perlu mengekalkan perhubungan baik dalam mengharungi kehidupan berjiran. Kita perlu hormat-menghormati antara satu sama lain.

Tuan Yang Dipertua, kita tidak hanya mahu berbangga dengan kedudukan negara kita sebagai negara

pengeluar getah yang utama di dunia jika sekiranya masih wujud kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah. Kita juga tidak hanya mahu berbangga dengan kedudukan negara kita sebagai negara pengeluar bijih timah yang utama di dunia ini jika sekiranya masih wujud kepincangan sosio ekonomi di kalangan pekerja-pekerja lombong. Kita jangan mudah berasa bangga dan berasa lega, lapang dada, lantaran negara kita subur boleh ditanam dengan berbagai-bagai jenis tanaman sebagai sumber pendapatan masyarakat . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Ada setengah minit lagi, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Yang Dipertua:** Saya duduk memerhati peribahasa yang begitu cantik, saya rasa nak panjangkan sedikit. Kalau setengah minit, boleh!

**Tuan Khadri bin Sabran:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Boleh ditanam dengan berbagai-bagai jenis tanaman sebagai sumber pendapatan masyarakat jika sekiranya masih terdapat suara-suara pak tani dan nelayan merintih memohon pembelaan dari Kerajaan.

Apa yang dikehendaki, terutamanya oleh masyarakat luar bandar ialah di samping kita mengekalkan kedudukan negara sebagai negara pengeluar getah dan bijih timah yang utama di dunia ini, nasib pekebun-pekebun kecil getah harus terlebih dahulu dibela. Kerajaan hendaklah mencari jalan supaya pekebun-pekebun kecil getah ini

memiliki tanah yang cukup luas bagi menyara keluarga mereka secara sederhana. Pekebun-pekebun kecil getah hendaklah diberitahu dan ditunjuk ajar dari masa ke masa tentang penemuan-penemuan baru di dalam bidang tersebut.

Apa yang dikehendaki oleh masyarakat tani dan nelayan ialah Kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah tanah yang terbiar. Mereka berkehendakkan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi memudahkan mereka menjalankan kegiatan mereka hari-hari. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi ialah: Yang Bersetuju 141; (*Tepuk*) Yang Tidak Bersetuju, 10; (*Tepuk*) Yang Tidak Mengundi, Tiada. Lebih suara yang bersetuju, Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan. (*Tepuk*).

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat selesailah kerja kita pada hari ini (*Ketawa*) dan diucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat menyelesaikan masalah ini, dan mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.*